

رَاجِ دِهَانِي رَعِيَّت

Raja Di Hati Rakyat

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin
Sa'adul Khairi Waddien

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Raja Di Hati Rakyat



Raja Di Hati Rakyat

Terbitan
Jabatan Penerangan

Cetakan Pertama
2013

Hakcipta
Jabatan Penerangan

ISBN NO.
978-99917-49-50-1

SIDANG EDITORIAL

Pengerusi

Yang Mulia Awang Mawardi bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah Penerangan

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Awang Azman bin Haji Abdul Rahim
Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan

Yang Mulia Dayang Hajah Norashidah binti Haji Aliomar
Pegawai Penerangan Kanan

Penyelaras Buku

Pengiran Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md. Noor

Pereka Letak

Muhammad AlKhaliq bin Ali

Pruf

Dayang Hajah Norpisah binti Mohamed Salleh

Hiasan Kulit

Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud

Ahli-ahli

(Pelita Brunei)

Awang Haji Aliddin bin Haji Moktal
Dayang Norliah binti Haji Md Zain
Awangku Jefferi bin Pengiran Durahman
Dayang Haniza binti Abdul Latif

(Fotografi)

Pengiran Haji Bahar bin Pengiran Haji Omar
Awang Masri bin Osman
Awang Haji Ariffin bin Mohd Noor
Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah
Awang Haji Masmaleh bin Haji Md Ali
Awang Mohd. Zul-Izzi bin Haji Duraman
Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman
Awang Mohammad Shahrizal bin Haji Said
Pengiran Amirulnizam bin Pengiran Mohd. Ali
Dayang Azmah binti Haji Ahad
Dayangku Nur Hafilah binti Pengiran Osman
Awang Muhammad Asri bin Haji Abas
Dayang Nurul Qaidah binti Haji Ahmad
Sylvina Hon Zae Leena

Sekapur Sirih



SEWAJARNYA kita bersyukur di atas segala limpah kurnia-Nya, kerana buku 'Raja Di Hati Rakyat' adalah terbitan khas yang istimewa menjalinkan kerjasama yang akrab di kalangan warga Jabatan Penerangan untuk menyumbangkan bakti yang tiada ternilai harganya.

'Raja Di Hati Rakyat' memaparkan kumpulan rencana yang antaranya pernah tersiar dalam sisipan khas Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun yang memperlihatkan Kebawah DYMM sebagai ketua negara yang amat prihatin dan mengambil berat tentang kesejahteraan serta kebajikan rakyat baginda.

Sepanjang tempoh setahun berlalu, pelbagai projek telah siap dilaksanakan yang meliputi bidang-bidang utama seperti keagamaan, ekonomi, pendidikan, sosial dan kesejahteraan, pembangunan, penyediaan infrastruktur dan sebagainya. Kandungannya begitu eksklusif yang membolehkan kita mengamati tentang inisiatif dan usaha baginda ke arah mengembang-maju dan memakmurkan negara sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini. Di bawah tampuk kepimpinan bijaksana lebih 45 tahun memimpin negara ini, harapan dan wawasan baginda adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang aman damai, bukan sahaja terletak di bahu baginda sendiri tetapi juga tanggungjawab bersama rakyat dan penduduk negara ini untuk terus maju ke hadapan menjalan dan melaksanakan Wawasan

Brunei 2035. Dengan penerbitan buku ini, memperlihatkan kepimpinan dan kewibawaan baginda memerintah Negara Brunei Darussalam untuk menjadi bahan rujukan di masa akan datang.

Marilah kita sama-sama menadah tangan memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dilanjutkan usia, sihat walafiat, kekal qasar memerintah Negara Brunei Darussalam di bawah perlindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Akhirnya, saya merakamkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku 'Raja Di Hati Rakyat' yang telah memberikan buah fikiran dan idea-idea yang berguna. Dengan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita semua akan mendapat keberkatan dan petunjuk-Nya hingga ke akhir hayat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mawardi bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah Penerangan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BERKAT KEPIMPINAN: TANAH AIRKU INDAH PERMAI	1
PEMIMPIN BERTARAF GLOBAL	4
PEMANGKIN PERKEMBANGAN ICT	10
KESIHATAN LAMBANG PEMBANGUNAN NEGARA	14
SUMBER TENAGA MANUSIA PENJANA KEMAJUAN NEGARA	22
KECEMERLANGAN WANITA DIUTAMAKAN	26
ISLAM BERSINAR DI BUMI BRUNEI DARUSSALAM	28
MENGANGKAT SISTEM KEWANGAN ISLAM	32
RAJA PRIHATIN	38
PEMIMPIN NEGARA ZIKIR	43
PENDORONG KEMAJUAN BELIA	46
KESELAMATAN MAKANAN NEGARA KUKUH	51
KESELAMATAN AWAM TANGGUNGJAWAB BERSAMA	54
PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA	58
RAJA DI HATI RAKYAT	62



BERKAT KEPIMPINAN :

Tanah Airku Indah Permai

Oleh : Azman Haji Abdul Rahim

TELEFON di ruang tamu rumah kami tiba-tiba berdering dan apabila diangkat kedengaran suara dengan nada yang berlainan. Apabila diamati ternyata ianya panggilan dari luar negara dan suara itu bukan orang Melayu. Si pemanggil berbahasa Inggeris dengan mempunyai *slang* kecinaan. Ia memperkenalkan dirinya David (bukan nama sebenar) dan bertanya sama ada saya mengenalinya.

David mengimbas kembali kenangan beberapa tahun yang lalu di mana kami pernah bertemu dalam satu mesyuarat di luar negeri. Katanya, dia akan berkunjung ke Negara Brunei Darussalam bagi mewakili organisasi tempatnya bekerja dan berasa gembira kerana berpeluang untuk bertemu dengan saya kembali. Kedatangan David sememangnya saya nantikan bagi membalas budinya melayan saya dengan mesra dan baik ketika berada di negaranya dulu.

David berasal dari salah sebuah negara dalam rantau ASEAN yang maju dan pesat membangun. Sesiapa yang pernah berkunjung ke sana pasti mengakui bahawa negara itu moden dan canggih. Walaupun saiznya tidak jauh berbeza dengan Negara Brunei Darussalam, suasana sekelilingnya mampu mencengkam perasaan dan pengunjungnya tidak akan mudah melupakan kenangan berada di negara itu.

Keadaan itu sedikit sebanyak mencetuskan kegusaran di sanubari. Persoalan yang timbul ialah mampukah layanan baik David semasa berada di negaranya akan dapat dibalas setimpal? Terus terang saya tidak pernah melayan mana-mana tetamu yang berasal dari negara yang sama dengan David? Walaupun sememangnya disedari bahawa negara tercinta Brunei Darussalam juga tidak kurang memiliki serba-serbi kehebatan, rasa kurang senang dan yakin masih sahaja menghantui perasaan. Ke mana hendak membawa David, yang datang dari sebuah negara yang tidak lekang dari kebisingan dan kesibukan kota raya hingga larut malam, menjadi agenda utama pemikiran beberapa hari sebelum kedatangannya.

Mampukah David membiasakan dirinya dengan keadaan sunyi dan lengang pada malam hari di Bandar Seri Begawan? Umum mengetahui bahawa kedai-kedai atau pusat membeli belah di ibu negara tutup seawal 6.00 petang yang menjadikan keadaan sunyi dan tidak serancak di

tempat-tempat lain yang paling tidak pun akan berakhir sekitar pukul 11.00 malam. Saya pasti David tidak akan mudah membiarkan dirinya terlepas peluang keemasan untuk bersiar-siar dan hanya duduk tidur di dalam bilik hotel penginapannya. Saya pasti dia berpendapat kehadirannya di Negara Brunei Darussalam, apatah lagi pertemuannya dengan saya selang beberapa tahun, tidak boleh dipersiapkan kerana ianya mungkin berlaku sekali dalam kehidupan kami berdua sebagai sahabat, kawan, rakan dan kenalan. Mungkin juga lawatan ke Negara Brunei Darussalam adalah yang pertama dan terakhir dalam hidupnya.

Hari yang dinanti-nantikan itu pun tiba dan melalui perbincangan awal saya hanya akan menjemput David di hari-hari terakhir kehadirannya di Negara Brunei Darussalam iaitu setelah urusan rasminya berakhir. Seperti biasa dilakukan oleh kebanyakan tuan rumah, saya terlebih dulu membawa David pusing keliling di ibu negara sambil menjelaskan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan Bandar Seri Begawan dan bangunan-bangunan yang terdapat di dalamnya. Saya dapat lihat David seronok mendengarnya dan kagum dengan keindahan ibu negara lebih-lebih lagi Kampung Ayer yang merupakan salah satu khazanah dan warisan bangsa Brunei yang amat bererti sekali tentang asal-usul negara Melayu Islam Beraja ini. Untuk menambah nilai kenangannya di sini, saya turut menempah perahu tambang untuk membawa David menyusuri Sungai Brunei. David tidak melepaskan peluang itu dengan mengambil gambar untuk dijadikan sebagai kenangan.

Hari pertama berakhir dengan baik dan saya amat berpuas hati. Bagaimana pula pada hari berikutnya?

Dalam hati sememangnya ada persoalan apakah David benar-benar berpuas hati dengan layanan yang saya berikan? Dalam fikiran yang bercelaru kadangkala timbul perasaan tidak baik yang membuat perbandingan antara Negara Brunei Darussalam dan negara asal David yang jelas berbeza dalam beberapa aspek tertentu.

Kami singgah ke Taman Persiaran Damuan, Jalan Tutong. Seperti biasa David mengambil beberapa gambar kenangan menarik termasuk Istana Nurul Iman yang dapat dilihat dari taman tersebut. Dia juga nampak

berminat terhadap area-area ASEAN yang didirikan di sepanjang taman itu dan maklumat-maklumat yang disediakan mengenainya. Sekali-sekala menderu perahu dan bot-bot tambang yang memecah kesunyian di Sungai Damuan. Juga kelihatan beberapa orang yang sedang melakukan riadah sama ada berjoging, berjalan-jalan dan berbasikal.

Persoalan sama ada David berasa gembira berada di Negara Brunei Darussalam terus bermain di kepala dan mendesak saya untuk mendapatkan jawapannya. Saya benar-benar ingin tahu apakah pendapatnya tentang negara tumpah darahku ini. Walau bagaimanapun David nampak selamba saja dan sekali-sekala terlintas dalam fikiran saya tanggapan bahawa David kebosanan berada di sini.

Akhirnya saya memberanikan diri jua untuk bertanya kepadanya. Saya memulakan dengan kata-kata memohon maaf jika dia benar-benar bosan dan tidak seronok berada di Negara Brunei Darussalam. Dengan rendah hati saya terus terang mengatakan bahawa di sini tidak seperti di negaranya yang barangkali penuh dengan pelbagai hiburan serta kedai-kedai dan pusat-pusat membeli belah terus beroperasi hingga larut malam. Di sini pun tidak banyak pusat-pusat membeli belah gergasi atau ternama seperti di negaranya.

Alangkah terkejutnya saya apabila David tiba-tiba sudi memberikan pandangannya. Katanya, mengapakah saya berkata demikian sedangkan ia merasa seronok berada di Negara Brunei Darussalam dan berhasrat untuk datang ke sini lagi jika diberikan peluang pada masa akan datang. Dia menjelaskan ada sesuatu istimewa yang sukar dibayangkan dan diluahkan dengan kata-kata biasa mengenai Negara Brunei Darussalam.. Sebenarnya dia mencari-cari perkataan yang sesuai dan akhirnya mampu menghuraikannya dengan kata ringkas, *"Here I feel deep peace in my heart."* (Di sini saya berasa amat aman dan damai sekali.)

Itulah ungkapan yang saya simpan hingga ke hari ini dan mungkin hingga ke akhir hayat. Memang sukar untuk menerima pandangan orang luar yang mengatakan negaraku Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang benar-benar aman, damai dan permai. Kita yang berasal di sini tidak mudah menyedari tetapi orang luar dapat merasai nikmat damai yang mendalam di hati sanubari masing-masing yang berbeza dengan negara mereka sendiri yang sentiasa riuh-rendah dengan bunyi kesibukan gerak-geri manusia, kenderaan dan sebagainya. Adalah tidak dinafikan bahawa kesibukan sedemikian boleh menjadi satu gangguan kepada diri manusia yang dahagakan suasana sekeliling yang tenang dan tenteram. Dalam hal ini aku tidak menyangka sama sekali bahawa tanah airku tercinta Negara



Brunei Darussalam memiliki keistimewaan itu dan mampu memberikan penawar kepada mereka yang berusaha mendapatkan ketenangan jiwa sepertimana yang dialami oleh David.

Tidak ada yang lebih menggembirakan apabila mendapati Negara Brunei Darussalam dilihat sebagai sebuah negara yang aman dan damai, khususnya pada pandangan orang asing. Malah perkataan Arab 'Darussalam' yang menggandingi Brunei itu sendiri bermakna 'Rumah Yang Aman' atau Syurga. Benarlah kata-kata orang bijak dan pandai bahawa keamanan dan kedamaian tidak dapat diukur atau dinilai dengan harta benda. Mungkin di luar sana banyak tempat mengecapi kemajuan pesat dan canggih dari segi materialisme dengan terdirinya bangunan-bangunan megah dan tempat-tempat yang menghiburkan tetapi masih tidak mampu menjamin keamanan dan kedamaian di hati yang benar dan hakiki. Dalam hal ini, tidak menghairankan ada rakyat dan penduduk negara lain sanggup menghabiskan wang yang banyak setiap kali masa terluang untuk berkunjung ke negara-negara lain, dengan tidak mengira di mana, bentuk dan saiznya, asalkan mampu memberikan ketenangan dan kedamaian jiwa.



"...Ya Allah Ya Tuhan kami, mohon jadikan Negara Brunei Darussalam penuh makmur dan kemajuan dan keselamatan, dan saksama keadilan, dan kebaikan dan berkat di antara rakyat sekalian dan kemewahan dan kemenangan serta negeri-negeri Islam.

Ya Allah Ya Tuhan kami, mohon selisihkan daripada kami dan daripada Sultan kami akan bala, wabak, penyakit-penyakit dan sengsara-sengsara, dan mohon Ya Allah Ya Tuhan kami hilangkan daripada kami dan daripada Sultan kami akan segala syak wasangka dan segala keraguan dan was-was. Dengan limpah kurnia Tuhan kami, wahai Tuhan kami yang empunya sifat-sifat kebesaran dan kemuliaan..."

Petikan 'Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam'

PEMIMPIN BERTARAF GLOBAL

Oleh : Kassim Haji Abdul Rahman

"BETA selaku Sultan dengan sedaya upaya beta akan berusaha pada menjalankan dasar-dasar paduka ayahanda dan akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman dan laila usaha bagi kemakmuran negara serta memelihara nama baik Negara Brunei Darussalam."

Titah di atas adalah sebahagian daripada petikan titah sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari singgahsana selepas baginda ditabalkan sebagai Sultan Negara Brunei Darussalam Ke-29 pada 5 Oktober 1967.

Baginda telah ditabalkan menjadi sultan pada usia baginda 21 tahun. Dengan berbekal pendidikan dan pengalaman yang luas dari dalam dan luar negeri, baginda telah memimpin Negara Brunei Darussalam ke mercu pembangunan dan perkembangan dalam pelbagai aspek termasuk keagamaan, politik, sosial, ekonomi dan sebagainya.

Dalam masa 17 tahun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Negara Brunei Darussalam sekali lagi mencatat satu sejarah yang amat bermakna bagi rakyat dan penduduk negara ini. Pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam telah mengambil alih semula kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Dalam titah pemashyuran kemerdekaan, Kebawah DYMM antara lain menggariskan hala tuju Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan baginda.

Di antara petikan titah baginda semasa pemashyuran tersebut ialah dasar negara dengan dunia antarabangsa.

"... dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri."

Sebagai seorang pemimpin yang berwawasan dan mempunyai latar belakang pengetahuan dan pengalaman yang luas, baginda amat prihatin

mengenai kesejahteraan rakyat, ketenteraman sejagat, isu kemanusiaan dan perkembangan ekonomi setempat dan global.

Keprihatinan baginda ini ditegaskan lagi di awal-awal Negara Brunei Darussalam berada bersama dunia antarabangsa yang merdeka dan berdaulat.

Pada sambutan Hari Kebangsaan yang pertama, Kebawah DYMM menegaskan sekali lagi dasar kerajaan baginda yang antara lain baginda bertitah, pada 24 Februari 1984 pada Majlis Santap Malam.

"Adalah menjadi dasar negara beta untuk bekerjasama dengan semua sahabat dan sekutu kami ke arah pencapaian keamanan, kemajuan ekonomi dan hubungan persahabatan di kalangan negara atas dasar persamaan, saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan dan integriti wilayah dan di atas prinsip tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara lain."

Kebawah DYMM telah berusaha bagi memastikan kepimpinan baginda bukan sahaja tertumpu dalam negara, malah juga memainkan peranan yang aktif dalam dunia antarabangsa.

Sebaik saja Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaan pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam telah melakar beberapa sejarah penting untuk sama-sama aktif dalam perkembangan global. Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada beberapa buah pertubuhan antarabangsa dengan menjalin hubungan melalui hubungan dua hala, pertubuhan peringkat serantau dan antarabangsa.

Seminggu selepas pemashyuran kemerdekaan, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli keenam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) pada 7 Januari 1984 semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok, Thailand.

Pada tahun 2013, Negara Brunei Darussalam adalah menjadi tumpuan dan tuan rumah kepada mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang mana Negara Brunei Darussalam telah dilantik menjadi pengerusi mesyuarat ASEAN sepanjang tahun ini.



Di bawah kepimpinan baginda, Negara Brunei Darussalam telah berjaya melaksanakan tugas selaku tuan rumah bagi pelbagai peringkat persidangan yang dihadiri oleh peringkat ketua negara, ketua kerajaan, para menteri dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara rantau ASEAN dan antarabangsa.

Di peringkat yang lebih besar lagi, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 21 September 1984 ketika Perhimpunan Agung PBB Ke-39. Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah dinaikkan dan berkibar megah bersama bendera negara-negara ahli yang lain di perkarangan bangunan PBB.

Dalam titah baginda di PBB antara lain menjelaskan kedudukan Negara Brunei Darussalam kepada dunia antarabangsa. *"Jika diukur secara tradisi, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil. Keluasan tanah kami adalah sederhana. Jumlah penduduk hanyalah dalam lingkungan 200,000 orang. Sumber negara kami meskipun banyak dan berharga, tidaklah sebanyak sumber yang dimiliki oleh sesetengah negara lain. Di sebalik keadaan yang terhad ini, negara kami boleh menyumbang kepada dunia berapa perkara yang kami anggap berharga."*

"Kami benar-benar percaya dalam mengekalkan keamanan dunia melalui usaha keselamatan secara kolektif. Kami menyokong aktiviti promosi pembangunan ekonomi melalui bantuan bersama. Kami tetap menegakkan prinsip bahawa setiap negara berhak menubuhkan kerajaan mereka tanpa campur tangan dari luar dan mengambil perhatian keadaan semasa dan hasrat rakyat negara berkenaan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat mereka."

Negara Brunei Darussalam juga aktif berperanan dalam memajukan ekonomi dan sosial di peringkat persekitaran wilayah iaitu Kawasan Pertumbuhan Asia Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA). BIMP-EAGA ditubuhkan pada tahun 1994.

Negara juga ahli kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang ditubuhkan pada tahun 1989 dan menjadi tuan rumah dan mempengerusikan mesyuarat APEC pada tahun 2000. Di mesyuarat berkenaan, para pemimpin bersetuju untuk menerapkan Rancangan Batas Digital untuk tindakan yang juga dikenali sebagai 'Brunei Goal' yang menyeru kepada pengecilan jurang digital antara negara-negara anggota.

Selain itu, negara juga adalah ahli Komanwel ke-49, iaitu sejurus sahaja mencapai semula kemerdekaan dan kedaulatan pada 1 Januari 1984. Pertubuhan ini telah memberikan ruang dan peluang yang luas untuk Negara Brunei Darussalam melaksana dan mempromosikan objektif-objektif dasar luar negara dalam forum pelbagai hala.

Pada 1 Januari 1995, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) iaitu satu-satunya organisasi antarabangsa yang mengendalikan peraturan perdagangan global di



kalangan negara. Negara Brunei Darussalam menjadi ahli perintis WTO sejak penubuhannya pada 1 Januari 1995.

Dalam mengeratkan perhubungan dan persahabatan dengan negara-negara Islam, Kebawah DYMM telah membawa Negara Brunei Darussalam menjadi ahli kepada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada tahun 1984. OIC telah ditubuhkan pada 25 September 1969 yang antara lain berperanan dalam menyelaras kerjasama antara negara ahli dalam bidang ekonomi, sosial, budaya, saintifik dan lain-lain. Negara-negara anggota telah bersetuju mengumpul sumber mereka untuk sama-sama bergabung, bersatu tenaga dan suara bagi melindungi kepentingan dan memastikan kemajuan dan kebajikan umat Islam di seluruh dunia sentiasa terjamin.



Pada tahun 1992, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada Non- Aligned Movement (NAM) semasa Sidang Kemuncak NAM di Jakarta. NAM adalah sebuah pertubuhan yang ditubuhkan pada tahun 1961 bermula dengan 25 negara ahli. Sekarang NAM telah dianggotai oleh 115 negara.

Negara Brunei Darussalam telah berperanan aktif dalam NAM dengan menaja beberapa projek yang berkaitan. Kemasukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada NAM adalah sangat penting untuk Negara Brunei Darussalam mengeratkan lagi perhubungan dengan negara ahli dalam sama-sama prihatin khususnya dalam perkembangan bidang keselamatan dan ekonomi.

Negara Brunei Darussalam telah menyertai Asia-Europe Meeting (ASEM) pada tahun 1996. ASEM adalah platform pertemuan dan kerjasama di antara negara-negara sebelah Eropah dan Asia yang membincangkan

isu-isu politik, ekonomi dan kebudayaan yang bermatlamat mengeratkan hubungan di antara dua rantau tersebut.

Walaupun Negara Brunei Darussalam mempunyai ukuran saiznya yang kecil namun atas kewibawaan dan kebijaksanaan baginda, telah meletakkan Negara Brunei Darussalam dan rakyat negara ini setaraf dengan negara-negara antarabangsa.

Begitulah harapan dan keazaman baginda dan pemimpin negara yang perlu disokong oleh segenap rakyat dan penduduk negara ini sebagaimana titah baginda semasa sambutan Hari Kebangsaan 1984 antara lain: "*Dalam menghadapi cabaran yang berada di hadapan kita, beta yakin bahawa rakyat beta akan bangkit menyahut cabaran itu dengan melipatgandakan usaha mereka dalam memainkan peranan yang betul bagi mencapai kemajuan dan kemakmuran.*"

PEMANGKIN PERKEMBANGAN ICT

Oleh : Ali Termizzi Haji Ramlli/Haji Ramli

ITPSS Sdn





PERKEMBANGAN teknologi maklumat di Negara Brunei Darussalam semakin rancak dilaksanakan dengan pelbagai inisiatif terus dipergiatkan sebagai langkah ke arah pembentukan masyarakat Brunei yang berdaya maju dan memiliki ilmu pengetahuan yang luas berkaitan dengan penggunaan teknologi informasi maklumat ataupun kerap dipanggil sebagai ICT.

Sebagai sebuah negara yang maju dan perkembangan ekonomi yang stabil dan berdaya tahan segala usaha bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat amat dititikberatkan lebih-lebih lagi ilmu pengetahuan bersandarkan kepada penggunaan ICT pada zaman sekarang sangat perlu dimiliki oleh mana-mana individu. Keutamaan mempelajari ICT adalah membentuk pengetahuan yang luas dan memberikan pendedahan yang sangat cepat dalam mendapatkan maklumat secara tepat, pelbagai dan penuh padat dengan maklumat yang terkini.

Ke arah usaha meningkatkan kesejahteraan dan kualiti pengetahuan yang meluas dalam bidang ICT, Negara Brunei Darussalam telah pun berusaha mencapai ke tahap pembentukan masyarakat yang celik dalam penggunaan ICT. Kerajaan juga membelanjakan jutaan ringgit dalam menjayakan kegiatan penggunaan ICT ini di dalam pelbagai bidang seperti di dalam bidang pendidikan, kesejahteraan dan kesihatan, perhubungan, perekonomian dan pertahanan.

Sepertimana dalam bidang pendidikan, kerajaan telah mengenal pasti bahawa ke arah pembentukan masyarakat yang berilmu pengetahuan dalam bidang ICT adalah perlu memahami perkembangan ICT dan sentiasa mempelajari menggunakan ICT tersebut. Pendidikan ICT juga turut dimuatkan dalam mana-mana subjek pilihan di sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi pengajian tinggi dan institusi pendidikan swasta di negara ini.

Dari segi kesejahteraan, negara telah menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu kepada orang ramai khususnya menyediakan

kemudahan laman-laman sesawang kerajaan bagi membolehkan orang ramai berurusan dengan pelbagai sektor kerajaan dan swasta seperti dalam urusan pendaftaran, pembayaran, mendapatkan maklumat terperinci dan sebagainya. Ini juga adalah langkah yang bijak dalam menangani proses-proses pembayaran yang lambat, tidak tepat, tidak perlu menunggu lama dan sebagainya. Dengan adanya kemudahan ICT ini maka segala urusan adalah mudah, cepat dan tepat mengikut masa yang ditentukan.

Selain itu juga kerajaan telah pun berusaha memastikan kepentingan kesejahteraan rakyat dipeduli secara konsisten dan ditangani dengan sewajarnya. Kebajikan yang disediakan dari bentuk penghebahan maklumat penyiaran seperti media massa, media elektronik dan media cetak serta kemudahan-kemudahan yang lainnya seperti berita-berita, makluman-makluman dan pemberitaan pelbagai acara, aktiviti mahupun majlis yang tertentu.

Manakala dari segi kesihatan pula kerajaan telah membelanjakan jutaan ringgit untuk merealisasikan rakyat Brunei yang sihat. Dengan kemudahan ICT juga mampu memberikan pelbagai kemudahan seperti perlaksanaan sistem Bru-HIMS oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi menyediakan rekod-rekod pesakit dengan lebih tersusun dan bersistematik.

Dari segi perhubungan, inisiatif kemudahan ICT juga diperluaskan sebagaimana yang dilaksanakan dari mana-mana agensi kerajaan dan swasta, turut merasakan kesan yang baik kepada seluruh masyarakat di negara ini adalah seperti kemudahan telekomunikasi berbentuk talian telefon, jalur lebar (broadband) dan kemudahan perhubungan yang lainnya.

Kemudahan telekomunikasi yang semakin berleluasa dan canggih pada masa sekarang telah mendapat perhatian yang meluas terutama sekali belia-belia yang berminat mengenai aplikasi-aplikasi yang terbaru dan bermanfaat bagi mereka.

Dari segi perekonomian pula sudah memberikan impak yang positif, perniagaan kemudahan ICT semakin rancak dipergiatkan oleh mana-mana sektor. Ini menarik minat orang ramai mengenainya dan turut memberikan kesan yang sangat baik dan positif. Kesan ini menandakan kemajuan yang meningkat dan merangsang perekonomian negara ke tahap yang lebih tinggi. Sementara itu perniagaan melalui ICT juga turut memberikan kesan yang positif contohnya ramai belia-belia di negara ini berjinak-jinak dengan penggunaan laman sosial bagi memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan namun menampakkan penghasilan yang lumayan jika dilaksanakan secara serius. Sebagaimana dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-63 pada 21 Rejab 1430 Hijrah bersamaan 14 Julai 2009 Masihi: *"Baru-baru ini kerajaan beta telah meluluskan beberapa inisiatif, seperti 'land strata title', penurunan kadar yuran tawaran negara dan terus meneroka kemampuan teknologi infokomunikasi (ICT), bagi memudah dan memajukan lagi perindustrian dan perniagaan."*

Sementara itu, dari segi pertahanan pula Kementerian Pertahanan khususnya telah pun meningkatkan keupayaan dari segi penggunaan ICT, sepertimana dalam menggunakan kemudahan peralatan pertahanan berpandukan kepada ICT yang terkini dan canggih.

Kemudahan peralatan pertahanan ini dapat membantu menjayakan misi atau latihan-latihan yang berkaitan dengan jayanya. Bagi mengesan ancaman atau kewaspadaan, penggunaan ICT cukup memberikan kemudahan yang sangat bermanfaat bagi keamanan dan kesejahteraan negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menitikberatkan

kemudahan ICT untuk rakyat dan penduduk di negara ini. Kemudahan ICT terus berkembang maju dengan galakan dan sokongan kerajaan bagi merealisasikan pembentukan ICT ini dengan lebih meluas dan terus berkembang maju.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara lain bertitah sempena Hari Keputeraan baginda ke-57 pada 15 Julai 2003:

"Kerajaan beta juga terus peka terhadap keperluan tenaga manusia bagi pembangunan. Di antaranya ialah penyediaan tenaga dalam bidang teknologi infokomunikasi yakni ICT, sebagai ciri khusus untuk mewujudkan e-Kerajaan dan seterusnya bagi memanfaatkan era 'k-ekonomi' yang berasaskan pengetahuan. Sebagai alat untuk menghadapi cabaran tersebut, sistem pendidikan kebangsaan perlulah menyediakan program-program pendidikan yang dinamik yang menjurus ke arah penghasilan ilmu serta kemahiran yang tinggi."

Kurikulum pendidikan juga seharusnya mewujudkan budaya pendidikan sepanjang hayat bagi melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pada setiap peringkat umur. Demi untuk mencapai matlamat e-Kerajaan, pihak Institut Perkhidmatan Awam telah pun diamanahkan untuk menjalankan program-program latihan ICT. Selain tumpuan diberikan kepada bidang ICT, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga, dengan bantuan pakar yang berkaitan, telah melaksanakan satu kajian mengenai keperluan pembangunan dan pengurusan sumber manusia."

Kerajaan Kebawah DYMM menyedari akan cabaran yang dihadapi bangsa dan negara terhadap arus globalisasi ini dan ledakan ICT, di samping pelbagai pengaruh yang dibawahnya yang boleh menyirnakan nilai-nilai budaya, tatasusila dan kehidupan yang diwarisi dan diamalkan negara ini, di samping globalisasi dan ICT membuka peluang ekonomi dan perdagangan yang lebih baik untuk kemajuan dan perkembangan ekonomi negara.



KESIHATAN LAMBANG PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya

KESIHATAN adalah anugerah Allah Subahanahu Wa'taala yang amat tinggi nilainya kepada semua insan yang bernyawa kerana dengan badan yang sihat kita boleh menikmati kesejahteraan dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu kita harus mensyukuri, memelihara dan menjaga kesihatan kita dengan sebaik mungkin. Bagi sesebuah negara, kesihatan adalah aset yang terpenting yang membolehkan rakyat dan penduduknya membangun dan maju, bak kata 'rakyat sihat negara maju'. Sumbangan kesihatan terhadap pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran negara adalah sangat signifikan. Jika kita ditimpa penyakit, wang ringgit tidak akan semudahnya dapat menebus kesihatan kita. Dari itu menjaga kesihatan adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakat di negara ini.

Ke arah mencapai kehidupan yang sihat dan bagi memantapkan lagi kesihatan penduduk di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah berusaha menyediakan program-program penjagaan kesihatan yang komprehensif, bertaraf tinggi dan kos efektif dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek pencegahan, promosi kesihatan, perawatan dan penyembuhan. Di samping kerajaan, pihak swasta juga telah ikut serta dalam menyediakan

perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk rakyat dan penduduk di negara ini.

Perkembangan kesihatan sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 hingga ke hari ini adalah hasil dari kemajuan dalam bidang sosioekonomi, pendidikan, agama dan infrastruktur yang semuanya sama-sama menyumbang kepada meningkatnya kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Negara Brunei Darussalam telah mencatat satu lembaran sejarah perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di arena antarabangsa dalam pencapaian kesihatan bilamana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dianugerahkan Pingat Emas Presiden dari The Royal College of Surgeon, Edinburgh, Scotland pada 30 Jun 2000. Penganugerahan ini adalah merupakan pengiktirafan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sumbangan kerajaan baginda terhadap perkembangan kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Penganugerahan ini sangat besar ertinya kepada negara dan ini menandakan baginda adalah seorang pemimpin yang sentiasa prihatin dan komited terhadap penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Pencapaian dan Perkembangan Kesihatan Sejak Mencapai Kemerdekaan

Alhamdulillah status kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam adalah meningkat sejak lebih dari 20 tahun yang lalu, dan ianya adalah tinggi dan setanding dengan negara-negara yang telah membangun di rantau ini. Negara Brunei Darussalam telah mencapai hampir kesemua Petunjuk-petunjuk Kesihatan Sejagat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kadar kematian anak damit telah menurun daripada 12.8 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1984 kepada 8.3 pada tahun 2011, manakala kadar kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun adalah juga menurun kepada 10.0 bagi setiap 1,000 kelahiran, berbanding dengan 16.0 pada tahun 1984. Jangka hayat bagi lelaki pada tahun 1984 adalah 69.7 tahun dan pada tahun 2011 ialah 78.5 tahun, manakala bagi perempuan jangka hayat telah meningkat kepada 79.3 tahun pada tahun 2011.

Kadar kematian sejak lebih dari 30 tahun kebelakangan menunjukkan penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi dan pneumonia bukan lagi menjadi punca utama kematian di negara ini, akan tetapi penyakit kronik seperti kanser, penyakit-penyakit jantung, kencing manis dan penyakit serebrovaskular adalah merupakan penyebab kepada 50% jumlah kematian yang dilaporkan pada tahun 2011. Semua penyakit-penyakit tersebut mencerminkan taraf kehidupan dan cara hidup moden penduduk di negara ini.

Perkembangan pesat dari segi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan perubatan yang moden telah dapat meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Secara menyeluruh kejadian penyakit-penyakit berjangkit yang utama di negara ini telah dapat dikawal dan dikurangkan pada tahap yang rendah. Penyakit-penyakit berjangkit yang dapat dicegah melalui imunisasi telah dapat dikawal disebabkan liputan imunisasi yang tinggi bagi mencegah penyakit tibi, kerongkong, batuk kokol, kencing gigi, polio, campak, rubella dan hepatitis B.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, ketika berucap di Majlis Sambutan Minggu Vaksinasi Sedunia 2012 antara lain menyatakan:

"Negara Brunei Darussalam telah memulakan Program Imunisasi Kebangsaan Kanak-Kanak dalam tahun 1950an dengan pengenalan vaksin yang hanya dapat melindungi dari tiga penyakit berjangkit. Namun semenjak itu, program ini diperkembangmajukan lagi sehinggalah sekarang di mana vaksin-vaksin yang ada dapat melindungi daripada sepuluh jenis penyakit berjangkit di kalangan kanak-kanak dan suntikan imunisasi ini diberikan secara percuma di negara ini."

Dalam tempoh satu dekad ini, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi secara universal yang sangat tinggi sehinggakan kadar liputan imunisasi bagi penyakit-penyakit tuberculosis (tibi), diphtheria, tetanus, whooping cough (batuk kokol), polio, hepatitis B, campak dan rubella telah melebihi 90 peratus di kalangan kanak-kanak.

Kadar yang tinggi ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan dalam mengekalkan pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium dalam kesihatan iaitu pengurangan kadar kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Program imunisasi ini tidak terhad kepada kanak-kanak malahan juga meliputi golongan ibu-ibu mengandung.

Negara Brunei Darussalam pada masa ini telah bebas dari hampir kesemua penyakit-penyakit berjangkit yang utama di kalangan kanak-kanak. Negara Brunei Darussalam telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bebas dari penyakit malaria pada tahun 1987, dan bebas dari penyakit polio pada tahun 2000. Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga turut mengiktiraf pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam pengawasan kes-kes penyakit tetanus di kalangan ibu-ibu yang mana sehingga kini tidak ada kes-kes kematian ibu selepas melahirkan anak yang disebabkan penyakit tetanus (Maternal and Neonatal Tetanus).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-40 dari segi pencapaian kesihatan dibandingkan dengan 191 negara-negara di dunia, ke-4 di Rantau Pasifik Barat dan ke-2 di rantau ASEAN. Menurut 'UNDP Human Development Report 2004', Negara Brunei Darussalam telah berjaya menepati tiga petunjuk-petunjuk kesihatan yang ditetapkan oleh Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini telah menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-33 dari 177 buah negara.

Perkembangan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Pencapaian lain dari segi kesihatan termasuklah pembangunan infraskrutur kesihatan di mana perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan disalurkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) adalah hospital utama yang terbesar di negara ini. Sejak ianya dibuka rasmi pada tahun 1984, telah mengalami perkembangan yang pesat dengan pengubahsuaian dan diikuti dengan bertambahnya perkhidmatan yang baru dan peralatan yang canggih dan moden serta pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan profesional. Penggunaan peralatan perubatan yang berteknologi canggih bagi pengesanan, pemeriksaan dan pengawasan penyakit-penyakit juga telah mula digunakan dengan meluas di hospital ini.

Hospital RIPAS telah memperkembangkan kemudahan dan infrastruktur perkhidmatan perubatan dengan menyediakan beberapa peralatan yang



canggih yang mana telah dapat meningkatkan keupayaan diagnostik dan rawatan. Di antara peralatan-peralatan tersebut ialah C T Scan (Computerised Tomographic Scanning), Sistem Vascular Imaging dan Angiography Digital Subtraction, Mamografi dan Spiral CT (Spiral Computerised Tomography). Sementara itu prosedur-prosedur yang berupaya untuk mengurangkan kesakitan dan mempercepatkan tempoh penyembuhan pesakit telah diberikan di hospital ini, seperti prosedur Lithotripsi, Laparoscopi dan 'Endometrial ablation'. Dalam memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan profesional, Hospital RIPAS sebagai hospital rujukan telah memperkembangkan beberapa perkhidmatan pakar seperti Unit Haematologi, Onkologi, Unit Otorinolaringologi, Unit Kardiologi dan Pusat Diabetik, Unit Reumatologi, Unit Buah Pinggang, Unit Ortopedik, Unit Pembedahan 'Neuro', Unit Maxillofacial dan Pembedahan Plastik, Unit Oftamologi, Unit Psikiatri dan Unit Dermatologi. Selain itu Unit Rawatan Rapi, Unit Rawatan Rapi Pembedahan dan Unit Rawatan Jantung Koronari juga disediakan. Hingga ke hari ini Hospital RIPAS terus berkembang dengan pesat dari segi infrastruktur dan perkhidmatan.

Hospital Suri Seri Begawan(SSB) di Daerah Belait adalah hospital kedua terbesar. Hospital ini juga telah menjalani pengubahsuaian mengikut perkembangan semasa dan dalam memenuhi kehendak penduduk yang tinggal di Daerah Belait. Hospital SSB juga memberikan perkhidmatan kepakaran yang antara lain termasuk paediatrik, perbidanan dan sakit puan, mata, telinga, hidung dan kerongkong.

Hospital baru di Daerah Tutong telah dibuka rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 11 Ogos 1998. Hospital ini mempunyai 138 buah katil dan dilengkapi dengan peralatan perubatan yang moden dan canggih. Di antara perkhidmatan komprehensif yang diberikan di hospital ini termasuk kemalangan dan kecemasan, paediatrik, perbidanan dan sakit puan, mata, telinga, hidung dan kerongkong, pembedahan, kesejahteraan jiwa, pemulihan anggota, pemulihan cara kerja, pergigian, farmasi dan wad-wad.

Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam memberikan perkhidmatan perubatan bagi penduduk di Daerah Temburong. Hospital ini mempunyai 50 buah katil dan antara lain memberikan perkhidmatan pesakit luar, kemalangan dan kecemasan, perbidanan dan sakit puan, farmasi, pemulihan anggota, pemulihan cara kerja dan wad-wad.

Penjagaan kesihatan asasi juga diberikan di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bagi meliputi semua penduduk bandar dan luar bandar, terutama sekali bagi penjagaan kesihatan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak, perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan kesihatan sekolah, perkhidmatan pemakanan masyarakat dan perkhidmatan psikologi. Perkhidmatan ibu-ibu dan kanak-kanak memberikan penjagaan sebelum bersalin, selepas bersalin, penjagaan kesihatan kanak-kanak termasuk program imunisasi bagi mencegah penyakit-penyakit berjangkit, pendidikan kesihatan, rawatan penyakit ringan, perbidanan di rumah dan lawatan ke rumah.

Perkhidmatan kesihatan sekolah memberikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada semua murid-murid sekolah di seluruh negara. Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan termasuk perkhidmatan perubatan, imunisasi, rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan.

Perkhidmatan Perubatan Udara juga diberikan kepada penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman, yang mana ianya tidak boleh dikunjungi sama ada melalui air atau darat.

Pusat Pergigian Negara telah ditubuhkan pada tahun 2001 di mana perkhidmatan pergigian yang diberikan di hospital dipindahkan di pusat ini. Selain dari memberikan perkhidmatan pergigian bagi kanak-kanak dan dewasa, pusat ini juga memberikan perkhidmatan kepakaran ortodontik dan mempunyai makmal pergigian dan Unit Kesihatan Oral.

Dalam usaha untuk mengembanguaskan dan mempertingkatkan penjagaan kesihatan asasi di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan telah melaksanakan projek 'Decentralisation' perkhidmatan pesakit luar, yang mana ianya menjadikan perkhidmatan ini mudah diperolehi dan dikunjungi oleh masyarakat.

Mulai 1 Jun 2000 perkhidmatan pesakit luar di Hospital RIPAS telah dipindahkan ke tujuh buah pusat-pusat kesihatan di Daerah Brunei dan Muara. Projek 'Decentralisation' ini telah dilaratkan ke Daerah-daerah Tutong dan Belait pada Oktober 2002 bagi memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang lebih komprehensif dan mudah dikunjungi dan diperolehi oleh penduduk-penduduk di daerah berkenaan.

Di samping perkembangan infrastruktur dan perkhidmatan, tenaga kerja kesihatan juga turut berkembang dengan bertambahnya jumlah doktor-doktor dan pakar-pakar tempatan yang terlatih dan berkemahiran di pelbagai bidang perubatan dan kesihatan.

Menuju Ke Arah Warga Sihat

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dari semasa ke semasa giat melaksanakan beberapa aktiviti-aktiviti dan program-program kesihatan dalam usaha ke arah menjadikan rakyat dan penduduk di negara ini sihat dan terhindar daripada gejala-gejala penyakit yang berhubung kait dengan cara hidup.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengepalai Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-Kementerian yang telah diadakan buat kali pertama pada bulan Mac 2002 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Ini menunjukkan keprihatinan baginda sebagai seorang pemimpin dalam



meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan mengenai kepentingan mengamalkan kegiatan fizikal demi untuk meningkatkan tahap kesihatan. Ini selaras dengan titah baginda dalam Majlis Sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Kesihatan dan Pelancaran Konvensyen Kesihatan 2007 yang mana baginda antara lain bertitah:

"Di samping menyediakan dan memberikan rawatan-rawatan yang sewajarnya, ianya juga tidak boleh berhenti dari membimbing masyarakat, supaya berterusan memelihara kesihatan dengan amalan-amalan gaya hidup sihat, baik dalam pemakanan, pergerakan atau riadah dan juga mewujudkan persekitaran yang bersih."

Selain daripada itu, kempen-kempen, jerayawara-jerayawara dan pameran-pameran kesihatan ke arah menanamkan kesedaran amalan cara hidup sihat giat dijalankan. Antara kempen-kempen yang dilaksanakan ialah kempen pemakanan sihat, kempen anti-merokok, kempen kebersihan alam sekitar, kempen penyusuan susu ibu, kempen menderma darah dan

kempen pencegahan AIDS. Di samping itu, aktiviti-aktiviti sempena Hari Kesihatan Sedunia yang ditetapkan oleh WHO juga diadakan pada setiap tahun dengan tema-tema yang berlainan yang bertujuan untuk melibatkan masyarakat ke arah mempromosi cara hidup sihat.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan status kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui promosi kesihatan dan amalan cara hidup sihat, kerajaan telah membina bangunan Pusat Promosi Kesihatan yang terletak di Commonwealth Drive, Jalan Menteri Besar. Bagi masyarakat yang memerlukan bantuan perkhidmatan ke arah mencapai kehidupan yang lebih sihat tanpa merokok dan menurunkan berat badan, program-program kesihatan diberikan di Klinik Berhenti Merokok dan Klinik Badan Sihat.

Dengan pencapaian-pencapaian dan perkembangan kesihatan yang kita nikmati di negara ini, akan memberi jaminan kepada kita semua untuk kehidupan yang lebih sihat di tahun mendatang dan dapat menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara yang kita cintai selaras dengan Wawasan Brunei 2035.





SUMBER TENAGA MANUSIA : Penjana Kemajuan Negara

Oleh : Helmy Zainal

ASET paling penting bagi pembangunan setiap negara ialah rakyat negara itu sendiri. Setiap rakyat yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi, yang diistilahkan sebagai sumber tenaga manusia merupakan penjana kepada kemajuan negara. Tidak kira apa jua peringkat sama ada ianya pemimpin, pengusaha, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, sektor swasta, nelayan, petani, buruh, peniaga adalah sama-sama memainkan peranan kepada pembangunan sesebuah negara.

Justeru itu, perkembangan sumber tenaga manusia secara menyeluruh merupakan dasar penting sesebuah negara yang telah membangun dan sedang membangun. Ia adalah kunci pelaburan dalam ekonomi yang harus diberikan fokus utama.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali. Kita hanya mempunyai penduduk yang kecil dan rakyat kita adalah aset penting dalam menyumbang

kepada pembangunan negara. Dalam pada itu, kerajaan telah mengambil langkah dalam memastikan sumber tenaga manusia di negara ini mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Kerajaan menyedari akan keperluan ini, dalam keadaan persaingan ekonomi yang pesat dan kemajuan teknologi yang semakin canggih. Keadaan ekonomi pada masa ini lebih berdasarkan kepada 'knowledge and innovation-based economy'.

Langkah Kerajaan

Dalam menjana perkembangan sumber tenaga manusia, dasar utama yang ditumpukan ialah meningkatkan tahap pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengenai perkara ini yang dimuatkan dalam titah perutusan buku Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (2012-2017):

"Kunci utama kepada peningkatan produktiviti yang berterusan adalah ilmu pengetahuan. Justeru, penekanan perlu diberikan kepada penyediaan pendidikan dan kemahiran secara berkesan dalam semua bidang seperti sains dan teknologi, kejuruteraan, keselamatan, ekonomi, perniagaan, keusahawanan, kesihatan dan agrikulturan..." (Titah, 2012).

Untuk ini kerajaan telah menawarkan skim dermasiswa semenjak lebih dari 50 tahun lagi, iaitu satu dasar pendidikan *meritocracy* yang telah diasaskan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Dasar ini memberikan peluang kepada seluruh rakyat negara ini yang mencapai tahap akademik yang memuaskan untuk mendapatkan skim dermasiswa.

Penghantaran pelajar-pelajar dermasiswa keluar negeri terus dilakukan sehingga hari ini yang meliputi:

- Biasiswa Sultan's Scholar
- Biasiswa The Supreme Commander (ABDB)
- Biasiswa Kerajaan Kementerian Pendidikan
- Biasiswa Dana Sumber Tenaga Manusia
- Biasiswa Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam (BAS)
- Biasiswa Brunei Shell Petroleum (BSP)
- Skim Biasiswa Pengajian Teknikal dan Vokasional (BPTV)

Selain itu, dalam meningkatkan kemahiran dalam Perkhidmatan Awam, Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) juga akan diberikan kepada pegawai/ kakitangan Perkhidmatan Awam yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian/kursus dalam dan luar negeri.

Dalam dua tahun yang lepas kerajaan telah memperkenankan pemberian dermasiswa melalui Skim Biasiswa Pengajian Teknikal dan Vokasional (BPTV) kepada penuntut-penuntut yang tidak mempunyai kelayakan

akademik untuk meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi di negara ini untuk meneruskan pengajian di institusi swasta di negara ini sehingga ke tahap Pre-National Diploma, National Diploma dan Higher National Diploma. Skim ini dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri. Ianya diberikan kepada penuntut lepasan GCE 'O' dan 'A' Level.

Kerajaan juga telah memperuntukkan dana berjumlah BND250 juta bagi melaksanakan pelbagai program untuk mempertingkatkan kualiti dan kemahiran serta pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia dalam pelbagai sektor sebagai usaha berterusan untuk memperkukuh pembangunan sumber tenaga manusia.

Baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan satu lagi skim biasiswa yang dipanggil Skim Biasiswa The Chancellor's Scholar. Skim ini bertujuan untuk melahirkan tenaga akademik tempatan yang berkualiti tinggi. Mereka akan ditempatkan di universiti yang terkemuka di dunia.

Latihan Teknikal dan Vokasional

Dalam usaha untuk mempelbagaikan kemahiran sumber tenaga manusia, kerajaan bukan saja memfokuskan kepada bidang akademik tetapi juga meningkatkan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional.

Oleh itu, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pendidikan yang baru iaitu Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN21). Sistem ini bukan sahaja menumpukan terhadap kemajuan pembelajaran akademik tetapi juga memfokuskan kepada bidang teknikal dan vokasional. Ini memberikan peluang kepada semua penuntut-penuntut walaupun bagi mereka yang kurang berkebolehan dalam bidang akademik.

Sebelumnya, bidang teknikal dan vokasional ini dianggap pilihan kedua dibandingkan dengan subjek akademik tetapi pada masa ini andaian tersebut sudah berubah. Kemahiran dalam bidang ini adalah diperlukan. Jumlah penuntut-penuntut yang mengambil bidang ini masih tidak mencukupi dari yang dikehendaki.

Justeru itu, kerajaan telah membuat langkah untuk meningkatkan pendidikan dalam bidang teknikal dan vokasional dengan menubuhkan dan mengubahsuaian beberapa institusi pendidikan teknikal dan vokasional agar ianya sesuai untuk pengajian ke tahap lebih tinggi:

- Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal
- Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah
- Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam
- Pusat Latihan Mekanik
- Sekolah Perdagangan
- Sekolah Vokasional Wasan
- Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah
- Pusat Pembangunan Belia

Menyedari akan keperluan dalam bidang teknikal di negara ini maka kerajaan juga telah menaikkan taraf pengajian Institut Teknologi Brunei ke tahap Ijazah dan telah menubuhkan Politeknik Brunei untuk kursus Diploma Lanjutan dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

Mengutamakan Anak Tempatan

Pada masa ini kebanyakan penyandang jawatan-jawatan sama ada di sektor awam dan swasta seperti doktor, pensyarah, jurutera, peguam, pengurusan, kewangan, arkitek, industri petroleum dan sebagainya dijabat oleh anak-anak tempatan. Kebergantungan kepada pakar luar negara bagi jawatan berkenaan semakin berkurangan.

Perkara ini membuktikan pelaburan kerajaan untuk menjana perkembangan sumber tenaga manusia bagi rakyat negara ini telah menunjukkan hasil yang positif. Selain itu, beberapa sektor swasta seperti Syarikat Minyak Shell Brunei telah membuat dasar mengutamakan anak-anak tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan yang menghendaki kemahiran profesional.

Walau bagaimanapun bagi bidang yang hanya memerlukan kemahiran informal seperti tukang jahit, tukang gunting, mekanik kereta, mekanik alat hawa dingin, tukang kayu, pembuat rumah, kerja-kerja pertanian, tukang masak, tukang kebun dan sebagainya, masih lagi banyak bergantung kepada pekerja asing. Ini disebabkan anggapan bahawa kerja-kerja berkenaan tidak memberikan jaminan kewangan dan pendapatan yang mencukupi. Andaian demikian adalah salah sama sekali. Di negara ini permintaan kepada kerja-kerja yang dinyatakan di atas adalah tinggi dan jika kerja-kerja ini dibuat oleh anak-anak tempatan maka ianya masih lagi tidak dapat memenuhi kehendak pasaran. Selain itu, jika ianya dibuat dengan kualiti yang memuaskan maka para pelanggan sanggup membayar dengan bayaran yang tinggi.

Oleh itu, jika kita memberikan peluang kepada mereka yang pada masa ini masih menganggur untuk diberikan latihan asas kemahiran bagi kerja-kerja yang disebutkan di atas dan seterusnya diberikan galakan untuk mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti misalnya membuka kedai gunting atau kedai tukang jahit. Dengan demikian ianya akan memberikan pendapatan kepada mereka seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja luar.

Kesimpulan

Kerajaan menyedari akan kepentingan sumber tenaga manusia dalam menjana pembangunan negara. Oleh itu, usaha mengembangkannya adalah merupakan pelaburan utama negara. Ia merupakan satu pelaburan yang akan berbaloi walaupun ianya satu cabaran dan isu yang kompleks.

Semakin ekonomi negara ini berkembang dengan pesat, semakin pula negara memerlukan tenaga manusia yang berkemahiran tinggi. Kemahiran



yang diperlukan dari semasa ke semasa akan berubah. Oleh itu falsafah *lifelong learning* atau pembelajaran sepanjang hayat tetap relevan. Kita tidak ada pilihan lain melainkan untuk terus-menerus merancang ke arah mengembangkan sumber tenaga manusia. Jika tidak hasrat untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 tidak akan tercapai.





KECEMERLANGAN WANITA DIUTAMAKAN

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

DI SEBALIK kelembutan seorang wanita tersirat satu ketabahan yang ketara yang mampu melakukan sesuatu untuk pembangunan negara. Golongan yang suatu masa dahulu dianggap sebagai kaum yang lemah, kini bangun untuk memainkan peranan dalam menjayakan negara ini bersama-sama dengan kaum lelaki. Tidak hairan jika ada perambahan berbunyi 'tangan yang menghayun buaian boleh menggoncangkan dunia' untuk menunjukkan kehebatan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Ledakan teknologi maklumat, proses globalisasi telah memberi pelbagai cabaran kepada wanita menjadikan wanita lebih berwibawa, hebat dan terus menyerlah.

Pendedahan dalam media massa mahupun elektronik telah banyak menampilkan kehebatan wanita kini. Kejayaan demi kejayaan kaum wanita juga telah banyak membuka mata semua pihak. Peranan wanita bukan setakat menjadi suri rumah tangga, mendidik anak dan menjaga makan dan pakai suami tetapi tetap turut memberi sumbangan mental dan fizikal di dalam perkembangan ekonomi, pelajaran dan sebagainya. Segala kemahiran dan kepakaran diaplikasikan sepenuhnya dalam kehidupan yang semakin mencabar masa kini supaya memberi impak yang lebih besar dalam kemajuan negara.

Di Negara Brunei Darussalam, pencapaian wanita merupakan hasil daripada usaha berterusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan didukung oleh sektor swasta dan juga orang-orang persendirian.

Kaum wanita di negara ini mempunyai peluang yang sama bagi merealisasikan hak asasi manusia mereka dan seterusnya membolehkan mereka untuk menyumbang dan mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan politik dengan mengatasi cabaran dan rintangan dan seterusnya memperkasa diri ke arah kecemerlangan.

Apa yang lebih membanggakan lagi ialah Negara Brunei Darussalam ditempatkan di tangga ke-30 dari segi jumlah penyertaan wanita dalam bidang perundangan, pegawai-pegawai kanan dan pengurusan menurut The Global Gender Gap Report.

Wanita kini dilihat sering mencapai kegemilangan dan pelbagai kejayaan yang amat membanggakan. Kejayaan yang terlakar ini membuktikan kemampuan wanita dalam pelbagai bidang termasuk bidang yang sering dipelopori oleh kaum lelaki.

Kepercayaan dalam mentadbir kini mula disandang oleh wanita. Contohnya, pelantikan beberapa orang Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di beberapa kementerian di negara ini membuktikan wanita mula diberi kepercayaan untuk mentadbir dan memimpin sesebuah organisasi besar.

Negara berbangga kerana mempunyai kaum wanita yang cemerlang dalam bidang pekerjaan termasuklah dalam bidang politik, undang-undang, kewangan, keselamatan dan lain-lain yang dulunya didominasi oleh kaum lelaki. Sebagai menyahtu cabaran era globalisasi, kaum wanita di negara ini juga berupaya menunjukkan kelebihan masing-masing dalam sama-sama berganding bahu membangun negara. Kemampuan wanita dalam perkara ini tidak dapat dinafikan kerana sumbangan mereka terhadap pembangunan negara begitu signifikan.

Sesungguhnya wanita telah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sesuai dengan ajaran agama suci Islam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah At Taubah ayat 7:

"Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf mencegah dari yang munkar; mendirikan solat, menunaikan zakat, dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Isteri Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sayyidatina Khadijah merupakan contoh wanita cemerlang yang sama-sama mengemblem tenaga untuk kejayaan Islam. Begitu juga puteri Nabi, Sayyidatina Fatimah Az-Zahrah yang sentiasa menyokong usaha Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Warga Perkhidmatan Awam wanita di negara ini juga bertuah di bawah kepimpinan raja yang pengasih dan penyayang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana Peraturan Cuti Beranak 2011 bagi kesemua pegawai dan kakitangan wanita di dalam Perkhidmatan Awam dinaikkan cuti bersalin 56 hari kepada 105 hari yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. Ini merupakan satu hadiah dan anugerah kepada warga Perkhidmatan Awam di sektor kerajaan mahupun swasta kerana keprihatinan baginda bukan sahaja meliputi bidang sosial malahan soal-soal kesejahteraan kaum wanita.

Bagi memastikan pembangunan wanita selaras dengan kemajuan negara, satu Jawatankuasa Khas Isu Keluarga dan Wanita yang mana Pelan Tindakan yang dirangka juga selaras dengan Pelan Tindakan Komanwel mengenai

wanita. Usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan menunjukkan komitmen yang berterusan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat dan aktif yang ditunjangi oleh kaum wanita yang berjaya, bukan sahaja berjaya dalam bidang pekerjaan bahkan juga dalam mengurus hal-ehwal rumah tangga.

Kejayaan golongan wanita dalam bidang ekonomi juga sangat mengagumkan kerana ada sebahagian usahawan wanita bermula dengan bidang jualan secara kecil-kecilan sebelum berkembang maju. Inisiatif dan sokongan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan peluang kepada usahawan wanita Brunei dan mewujudkan kelompok peniaga wanita yang berdaya saing dan inovatif untuk memajukan perusahaan masing-masing.

Kecemerlangan wanita bukan sahaja dilihat dari segi pekerjaan malah dari pelbagai aspek. Di sinilah letaknya tuah rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya golongan wanita kerana baginda juga mengutamakan kesejahteraan dan sokongan padu yang diberikan sebagai suntikan semangat dalam merealisasikan pembangunan negara yang mapan.



ISLAM BERSINAR DI BUMI BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

ISLAM adalah agama yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Islam adalah agama yang dibawa oleh Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada semua umat manusia di muka bumi. Islam di Negara Brunei Darussalam adalah sebagai agama rasmi negara dan merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Selain itu, Islam juga merupakan agama yang dianuti oleh majoriti penduduk di negara ini.

Kegemilangan Islam di Brunei bermula pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali apabila Melaka jatuh di tangan Portugis pada tahun 1511. Brunei telah mengambil peranan dan menjadi pusat penyebaran agama Islam ketika itu menggantikan Melaka. Dalam zaman pemerintahan baginda, Brunei mempunyai masjidnya sendiri. Corak pemerintahan negara pada ketika itu adalah berdasarkan agama Islam dan berterusan sehinggalah ke hari ini. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman bahawa: "*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam,*" dalam Surah Ali 'Imran, ayat 19.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-29 seperti juga pemerintah-pemerintah terdahulu tetap menjadikan agama Islam sebagai panduan dan teras kepada pemerintahan baginda. "*Ajaran-ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah mesti ditegakkan, termasuk hukum-hukumnya, jangan dilangkahi...*" titah baginda sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1432 Hijriah / 2011 Masihi.

Pelbagai usaha dalam mengukuhkan Islam di negara ini telah dibuat dan dilaksanakan oleh baginda dalam pengurusan mahupun pentadbiran negara, undang-undang, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Lingkungan masyarakat yang dicakupi dalam usaha tersebut meliputi semua lapisan masyarakat di negara ini.

Pengurusan dan pentadbiran yang paling sesuai dan tepat adalah berdasarkan ajaran dan petunjuk agama Islam daripada Kitab Suci Al-Qur'an seperti dalam firman Allah Wata'ala dalam Surah Al A'raaf, ayat 158: "*Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk.*"

Melalui pengurusan dan pentadbiran, antara unsur agama Islam yang diterapkan adalah dalam menerapkan Pakaian Bekerja Rasmi seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1996 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 1996 bagi pegawai-pegawai lelaki dan wanita. Pegawai-pegawai lelaki hendaklah berpakaian kemas dan sopan. Manakala bagi pegawai-pegawai dan kakitangan wanita hendaklah berpakaian kemas dan sopan, iaitu pakaian yang menutup aurat. Ini pada dasarnya adalah berasaskan ajaran agama Islam yang menggalakkan lelaki mahupun wanita untuk menjaga dan menutup aurat mereka apabila berada di luar rumah bagi mengelakkan fitnah dan menjaga maruah mereka masing-masing.

Selain itu, Rukun Akhlak dan Etika Kerja dalam Perkhidmatan Awam yang 11, antaranya 1) Bersih, jujur dan amanah amalan mulia; 2) Cekap,



cepat dan tepat tuntutan kerja; 3) Titih, lutan dan menghargai masa asas kejayaan; 4) Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian; 5) Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan dan 6) Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji. Sikap jujur, amanah, berilmu, tabah dan sabar contohnya adalah antara sifat-sifat yang terpuji dan mulia dalam agama Islam. Maka tidak dapat disangkalkan lagi bahawa dalam pengurusan dan pentadbiran pun sudah ada usaha untuk mengaplikasikan pentadbiran berdasarkan agama yang suci, iaitu Islam.

Kesungguhan baginda tidak terhenti di sana sahaja, ini nyata apabila kerajaan baginda telah memperuntukkan lebih dari BND100 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara 2012-2017 bagi pembangunan masjid-masjid baru di seluruh negara. *"Kita mengharapkan dengan pembinaan masjid-masjid ini, di samping akan menambahkan lagi kemudahan untuk beribadat, ia juga berperanan untuk menjadi pusat kegiatan ummah dan tidak terkecuali sebagai tempat pengembangan ilmu secara berterusan,"* dalam titah baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi.

Pembinaan masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat di negara ini bukan sahaja bagi membolehkan rakyat dan penduduk negara ini menunaikan solat lima waktu, tetapi juga bagi membolehkan ajaran-ajaran agama Islam yang lain seperti mengaji muqaddam dan Al-Qur'an serta ajaran agama Islam yang berkaitan dapat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu kepada kanak-kanak, belia-belie mahupun orang-orang dewasa dan juga warga emas dalam mempelajari mahupun menghalusi bacaan Al-Qur'an mahupun solat mereka dan mengetahui serta mendalami lagi ajaran-ajaran agama Islam yang luas lagi suci.

Di samping itu, *"Untuk melahirkan generasi Al-Qur'an, beta telah pun memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elaun bulanan kepada siapa yang diperakui lulus hafalannya oleh Lembaga Tasmie, mengikut kategori. Beta juga memperkenankan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur. Bagi siapa yang berjaya memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga dalam Majlis Tilawah ini akan diberikan hadiah galakan berupa wang tunai."*

"Sebagai galakan seterusnya, beta telah memperkenankan pemberian elaun sebanyak BND2,000 sebulan bagi sepanjang hayat kepada qari dan qariah penyandang johan dalam Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia. Elaun ini juga adalah sebagai tanda pengiktirafan kerajaan kepada penyandang dan penghargaan atas sumbangan mereka mengangkat nama baik negara..." dalam titah baginda sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi.

Dari segi undang-undang, Akta Jenayah Syarak dihasratkan untuk dilaksanakan bagi menangani jenayah syarak yang benar-benar merujuk hukum syarak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada menyatakan hasrat baginda semasa Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bahawa, *"Ia adalah undang-undang Allah dan kita dituntut supaya melaksanakannya. Kita selaku hamba yang beriman tidak ada pilihan lain melainkan wajib mentaati suruhan itu. Brunei telah menggunakannya sejak sebelum abad ke-17 lagi."*

Selain itu, perintah penutupan sementara premis-premis perniagaan, pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan termasuk pawagam, padang permainan, gedung-gedung perniagaan telah dititahkan oleh baginda sempena Perutusan Aidiladha 1433 Hijriah / 2012 Masihi. Ia bagi membolehkan penutupan selama dua jam bagi tempat-tempat tersebut dan memberikan laluan kepada umat Islam menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat setiap Jumaat mulai dari pukul 12.00 tengah hari sehingga pukul 2.00 petang.

"Ajaran-ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah mesti ditegakkan, termasuk hukum-hukumnya, jangan dilangkahi..." titah baginda sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1432 Hijriah / 2011 Masihi. Ia adalah antara langkah yang diambil oleh baginda melalui kerajaan baginda bagi membolehkan umat Islam yang bertugas pada hari Jumaat agar dapat menunaikan solat fardu tersebut bersama-sama seperti yang diwajibkan kepada mereka dalam Islam. Tindakan tersebut sekali lagi mempamerkan akan keprihatinan baginda akan kepentingan mendahulukan mana yang wajib atau fardu dari segi ajaran agama Islam, di samping tugasan harian yang lain.

Tanpa disedari, setiap sudut kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini pada dasarnya berteraskan pada ajaran agama Islam. Antaranya juga dalam pendidikan di negara ini di mana Undang-Undang Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2013. *"Beta penuh yakin, langkah mewajibkan pendidikan agama adalah langkah yang sungguh-sungguh tepat. Di samping sebagai keperluan asas, ia juga amat penting bagi survival masa depan kita..."* titah baginda sempena Sambutan Hari Belia Ke-7 Tahun 2012.

Pendidikan agama yang diwajibkan kepada kanak-kanak Islam yang berumur tujuh tahun di negara ini adalah sebagai pendidikan yang terbaik dan juga persiapan yang sesuai bagi mereka dalam menempuhi ranjau dan cabaran dunia yang semakin maju, pesat dan moden dengan teknologi maklumat ini. Pendidikan agama yang bakal diperolehi oleh mereka kelak diharap dapat menjadi pegangan dan panduan mereka dalam mengharungi

cepat dan tepat tuntutan kerja; 3) Titih, lutan dan menghargai masa asas kejayaan; 4) Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian; 5) Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan dan 6) Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji. Sikap jujur, amanah, berilmu, tabah dan sabar contohnya adalah antara sifat-sifat yang terpuji dan mulia dalam agama Islam. Maka tidak dapat disangkalkan lagi bahawa dalam pengurusan dan pentadbiran pun sudah ada usaha untuk mengaplikasikan pentadbiran berdasarkan agama yang suci, iaitu Islam.

Kesungguhan baginda tidak terhenti di sana sahaja, ini nyata apabila kerajaan baginda telah memperuntukkan lebih dari BND100 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara 2012-2017 bagi pembangunan masjid-masjid baru di seluruh negara. *"Kita mengharapkan dengan pembinaan masjid-masjid ini, di samping akan menambahkan lagi kemudahan untuk beribadat, ia juga berperanan untuk menjadi pusat kegiatan ummah dan tidak terkecuali sebagai tempat pengembangan ilmu secara berterusan,"* dalam titah baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi.

Pembinaan masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat di negara ini bukan sahaja bagi membolehkan rakyat dan penduduk negara ini menunaikan solat lima waktu, tetapi juga bagi membolehkan ajaran-ajaran agama Islam yang lain seperti mengaji muqaddam dan Al-Qur'an serta ajaran agama Islam yang berkaitan dapat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu kepada kanak-kanak, belia-belie mahupun orang-orang dewasa dan juga warga emas dalam mempelajari mahupun menghalusi bacaan Al-Qur'an mahupun solat mereka dan mengetahui serta mendalami lagi ajaran-ajaran agama Islam yang luas lagi suci.

Di samping itu, *"Untuk melahirkan generasi Al-Qur'an, beta telah pun memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elaun bulanan kepada siapa yang diperakui lulus hafalannya oleh Lembaga Tasmie', mengikut kategori. Beta juga memperkenankan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur. Bagi siapa yang berjaya memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga dalam Majlis Tilawah ini akan diberikan hadiah galakan berupa wang tunai."*

"Sebagai galakan seterusnya, beta telah memperkenankan pemberian elaun sebanyak BND2,000 sebulan bagi sepanjang hayat kepada qari dan qariah penyandang johan dalam Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia. Elaun ini juga adalah sebagai tanda pengiktirafan kerajaan kepada penyandang dan penghargaan atas sumbangan mereka mengangkat nama baik negara..." dalam titah baginda sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi.

Dari segi undang-undang, Akta Jenayah Syarak dihasratkan untuk dilaksanakan bagi menangani jenayah syarak yang benar-benar merujuk hukum syarak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada menyatakan hasrat baginda semasa Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bahawa, *"Ia adalah undang-undang Allah dan kita dituntut supaya melaksanakannya. Kita selaku hamba yang beriman tidak ada pilihan lain melainkan wajib mentaati suruhan itu. Brunei telah menggunakannya sejak sebelum abad ke-17 lagi."*

Selain itu, perintah penutupan sementara premis-premis perniagaan, pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan termasuk pawagam, padang permainan, gedung-gedung perniagaan telah dititahkan oleh baginda sempena Perutusan Aidiladha 1433 Hijriah / 2012 Masihi. Ia bagi membolehkan penutupan selama dua jam bagi tempat-tempat tersebut dan memberikan laluan kepada umat Islam menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat setiap Jumaat mulai dari pukul 12.00 tengah hari sehingga pukul 2.00 petang.

"Ajaran-ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah mesti ditegakkan, termasuk hukum-hukumnya, jangan dilangkahi..." titah baginda sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1432 Hijriah / 2011 Masihi. Ia adalah antara langkah yang diambil oleh baginda melalui kerajaan baginda bagi membolehkan umat Islam yang bertugas pada hari Jumaat agar dapat menunaikan solat fardu tersebut bersama-sama seperti yang diwajibkan kepada mereka dalam Islam. Tindakan tersebut sekali lagi mempamerkan akan keprihatinan baginda akan kepentingan mendahulukan mana yang wajib atau fardu dari segi ajaran agama Islam, di samping tugas harian yang lain.

Tanpa disedari, setiap sudut kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini pada dasarnya berteraskan pada ajaran agama Islam. Antaranya juga dalam pendidikan di negara ini di mana Undang-Undang Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2013. *"Beta penuh yakin, langkah mewajibkan pendidikan agama adalah langkah yang sungguh-sungguh tepat. Di samping sebagai keperluan asas, ia juga amat penting bagi survival masa depan kita..."* titah baginda sempena Sambutan Hari Belia Ke-7 Tahun 2012.

Pendidikan agama yang diwajibkan kepada kanak-kanak Islam yang berumur tujuh tahun di negara ini adalah sebagai pendidikan yang terbaik dan juga persiapan yang sesuai bagi mereka dalam menempuhi ranjau dan cabaran dunia yang semakin maju, pesat dan moden dengan teknologi maklumat ini. Pendidikan agama yang bakal diperolehi oleh mereka kelak diharap dapat menjadi pegangan dan panduan mereka dalam mengharungi

مجلس سموه في نزول القرآن

في شتات نكاراتاهون ١٤٢٤ هـ



masa depan kelak. Mereka bukan sahaja memperolehi pendidikan ukhrawi, tetapi juga dalam masa yang sama memperolehi pendidikan duniawi berdasarkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21. Pendidikan yang terbaik adalah pendidikan ilmu duniawi dan ukhrawi yang seimbang dan mampu mengimbangi yang negatif kepada positif dan kurang baik kepada baik.

Apa yang telah dinyatakan adalah antara usaha-usaha yang telah diusahakan dan dilakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerajaan

baginda dalam memastikan bahawa ajaran agama Islam terus gag di bumi Brunei Darussalam.

Namun apa yang penting adalah peranan setiap individu dalam memastikan bahawa apa yang telah dicapai dan dikecapi mahupun disediakan dan dicadangkan oleh kerajaan baginda dalam mengukuhkan agama Islam di negara ini dapat diteruskan dan dilaksanakan oleh generasi kini dan juga generasi-generasi pelapis seterusnya. Kebaikan yang bakal diterima bukan sahaja bagi individu tersebut, tetapi yang pasti adalah bagi semua rakyat dan penduduk negara ini dan juga Negaraku Brunei Darussalam.

MENGANGKAT SISTEM KEWANGAN ISLAM

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat

SISTEM Kewangan Islam berteraskan Al-Qur'an dan Hadis yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kini telah menjadi alternatif sistem kewangan konvensional yang wujud sekarang dan kini semakin berkembang ketika masyarakat global berhadapan dengan cabaran daripada pergolakan dalam sistem kewangan konvensional yang berteraskan riba'.

Dua puluh tahun yang lalu Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan perbankan dan kewangan Islam di negara ini, ramai orang menyoal kemampuan dan peranan sistem tersebut dalam mengembangkan ekonomi negara ketika itu, tetapi akhirnya sistem kewangan Islam yang pada mulanya diragui telah terbukti menjadi satu sistem yang terbaik dan amat digalakkan oleh agama untuk menggunakannya.

Sekarang, ternyata perbankan dan kewangan Islam telah menjadi penggerak yang sangat bertenaga kepada pertumbuhan ekonomi negara kita yang mana perbankan dan kewangan Islam telah berkembang dengan kadar yang cepat serta mampu meningkatkan jumlah pasaran yang sihat. Ianya bukan saja dapat dilihat berkembang di negara-negara Islam, malahan juga di merata dunia. Kini ia lebih terbukti semakin memainkan peranan

yang lebih signifikan dalam menyokong perdagangan dan kewangan antarabangsa dengan memenuhi keperluan-keperluan pelaburan merentas sempadan.

Negara Brunei Darussalam sendiri begitu yakin akan dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai pemacu perbankan Islam dan akan terus menyokong hasrat negara mengembangkan industri kewangan Islam di peringkat global. Di samping berpeluang untuk berkembang dalam usaha menjadikan negara ini sebagai hab perbankan Islam di rantau ini.

Berdasarkan maklumat laporan terbaru menunjukkan bahawa saiz global jumlah aset kewangan Islam telah melebihi satu (1) trilion dolar Amerika Syarikat dengan lebih daripada 600 institusi kewangan Islam beroperasi di lebih daripada 70 buah negara. Dan dijangka menjadi pasaran bernilai tiga (3) trilion dolar pada masa hadapan. Banyak kerajaan dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mula mengiktiraf kepentingan pasaran modal yang stabil dan berfungsi dengan baik bagi menyokong pembangunan ekonomi. Antara punca utama pertumbuhan tersebut ialah kepesatan perkembangan ekonomi dan peningkatan kemakmuran negara-negara Islam sejak beberapa tahun kebelakangan ini.







Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang amat menggalakkan sistem kewangan Islam ini terus kukuh dan berkembang, ketika merasmikan Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 pada tahun 2003 antara lain bertitah: *"la turut diterima sebagai satu sistem dan bahkan sistem yang adil lagi saksama yang mengutamakan situasi menang sama menang atau 'win-win situation' bagi kedua-dua belah pihak, pihak institusi kewangan dan juga pihak pengusaha dan pelanggan. Di sinilah keindahan muamalah Islam itu. Sebab itu beta penuh yakin, lebih ramai lagi orang dan organisasi yang akan terpicat dengan sistem perbankan dan kewangan Islam ini."*

Di sini kita patut memuji kerja-kerja yang dijalankan oleh institusi Islam antarabangsa seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, Perakaunan dan Audit Pertubuhan bagi Institusi Kewangan Islam dan Pasaran Kewangan Antarabangsa Islam kerana di dalam konteks Negara Brunei Darussalam kita telah mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan dan juga memasuki perkhidmatan kewangan Islam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah bersabda pada Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Pelaburan Islam Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Islamic Investment Summit 2013 - BIIS 2013) baru-baru ini yang antara lain berpendapat bahawa sebagai sebuah negara Islam yang berpegang kepada falsafah kebangsaan 'Melayu Islam Beraja', Brunei Darussalam berhasrat untuk membangunkan sektor kewangan Islam yang kukuh, bukan sahaja dalam negara tetapi juga untuk memberi khidmat kepada pasaran serantau dan global.

Dalam hal ini, sektor kewangan Islam patut berkembang dan mendapat kekuatan, oleh inovasi produk dan perkhidmatan baru untuk memenuhi permintaan pasaran iaitu setelah ekonomi global melalui ketidakpastian yang tidak pernah berlaku sebelumnya sejak krisis kewangan 2008.

Kewangan Islam telah mengukuhkan kedudukannya bukan sahaja sebagai pilihan yang berdaya maju tetapi juga merupakan komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa, iaitu berdasarkan prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan, tanggungjawab sosial dan larangan spekulasi, di mana kewangan Islam telah menawarkan gabungan unik dan kejelasan keselamatan di pasaran yang menghadapi ketidakpastian. Walaupun di tengah-tengah krisis kewangan global kewangan Islam telah terbukti sebagai sistem yang stabil, terhindar daripada kesan spekulasi dan manipulasi pasaran yang tidak diinginkan, menjadikannya menarik bagi kebanyakan orang.

Sebagai contoh bahawa sistem kewangan Islam berjaya dilaksanakan dan diterima baik oleh rakyat dan penduduk negara ini ialah bilamana Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) telah pun mencapai beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan dalam masa yang singkat. Kini BIBD telah menjadi Pusat Kewangan Islam yang dinamik di rantau ini. Ianya terbit daripada gabungan dua buah bank Islam di negara ini - Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB).

Sejak penggabungannya 3 Julai 2006, BIBD telah berhasil menempa nama yang amat gemilang dalam sektor perbankan Islam di Negara Brunei Darussalam dan kini BIBD sebagai sebuah bank Islam yang dihormati di arena antarabangsa.

Target utama untuk memenuhi aspirasi negara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah pusat kewangan Islam yang dinamik di rantau ini telah terlaksana apabila reputasi BIBD sebagai bank yang berorientasikan kewangan Islam dan terus bergerak serta melangkah lebih jauh dalam memenuhi cita-cita negara sebagai pusat kewangan Islam yang progresif, berdaya maju dan inovatif. BIBD juga berupaya untuk bersaing dengan bank-bank Islam bertaraf dunia yang kini melebihi jumlah 50 buah di seluruh dunia.



Perkara ini telah menjadi impian pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan BIBD amnya dan negara khasnya sebagai pusat kewangan Islam global. Sebagaimana titah baginda pada Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun pada 15 Julai 2005 bahawa dengan penggabungan IBB dan IDBB adalah dianggap selaras dengan trend global masa kini yang mana beberapa buah bank dapat bergabung untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Dalam hubungan ini, usaha berterusan perlu untuk membangun industri kewangan Islam kita terus kukuh dan mapan serta mampu menangani

apa jua krisis dan cabaran yang mendatang. Di samping itu, ianya juga hendaklah terus dapat berkembang maju dan berdaya tahan menurut peredaran zaman. Dan seterusnya dijana berteraskan kepada kaedah dan instrumen-instrumen yang benar-benar menepati hukum syarak serta berdaya saing berbanding Sistem Kewangan Konvensional dalam menawarkan kemanfaatan kepada para pelanggan.

Dalam erti kata lain, Sistem Kewangan Islam yang berdaya tahan perlu menjiwai Islam dengan sebenar-benarnya dengan meyakini dan mematuhi syariat Islam demi meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, bukannya mengaut keuntungan duniawi semata-mata.

RAJA PRIHATIN

Oleh : Haji Sahari Akim

RAKYAT dan penduduk di negara ini amat bersyukur dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Segala nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu menjadikan penduduk di negara ini dapat menjalani kualiti kehidupan yang baik dan selesa. Selain menikmati hasil sumber alam yang begitu banyak, kita juga dikurniakan seorang raja yang bijaksana dan begitu prihatin kepada kebajikan seluruh lapisan rakyat jelata di negara ini.

Secara keseluruhan, kehidupan dan kebajikan masyarakat di negara ini terjamin dan tidak diabaikan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai agensi menyediakan kemudahan prasarana fizikal, bantuan kebajikan dan keselamatan sosial kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Rakyat dan penduduk disediakan pelbagai kemudahan percuma seperti pendidikan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan sebagainya. Khusus bagi mereka yang kurang berkemampuan dan berkeperluan khas, kerajaan juga menyediakan bantuan-bantuan kebajikan yang lain. Pada masa yang sama bantuan-bantuan juga disumbangkan oleh badan-badan berkanun, pihak swasta, organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

Semua kemudahan dan sumbangan tersebut sangat membantu rakyat jelata terutama golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan termasuk anak-anak yatim, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas, orang yang ditimpa musibah dan lain-lain.

Untuk tujuan tersebut, kerajaan menyediakan peruntukan yang begitu besar. Ini termasuk dalam penyediaan bantuan perumahan, kewangan dan keperluan asasi, bantuan segera, peralatan, perkhidmatan dan seumpamanya.

Menyentuh kesejahteraan, Kebawah DYMM semasa bertitah sempena Menyambut Tahun Baru Hijriah pada 1 Muharam 1431 bersamaan 18 Disember 2009 Masihi antara lain menekankan :

"Kerajaan beta adalah komited bagi menjalankan sebarang kajian terhadap apa jua dasar, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk."

Bantuan JAPEM

Sesuai dengan peranannya, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyalurkan pelbagai bantuan dan sumbangan kepada rakyat dan penduduk yang memerlukan.

Antaranya pencen dan elaun mengikut Akta Pencen Umur Tua dan Tidak Upaya 1954 kepada mereka yang berhak dan memerlukan. Ini termasuk pencen umur tua (60 tahun) dan pencen bagi mereka yang tidak berdaya anggota (15 tahun ke atas), masing-masing menerima sebanyak BND250 sebulan.

Sementara itu JAPEM juga menyalurkan pemberian Elaun Penyakit Hansen/Kusta (15 tahun ke atas), elaun bagi pesakit otak atau gila (15 tahun ke atas), dan pencen orang buta (15 tahun ke atas), masing-masing sebanyak BND250 sebulan bagi diri penerima, BND188 bagi isteri, BND188 bagi anak 15 tahun ke atas dan BND113 bagi anak 15 tahun ke bawah.

JAPEM juga menyediakan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi meringankan beban individu atau keluarga yang hidup susah dan tidak berpengharapan. BKB dihulurkan bagi tempoh yang tidak ditetapkan dan bersifat sementara, sebagai token atau meringankan bebanan yang ditanggung, manakala penerima digalakkan untuk terus berusaha.

Pada tahun 2012 seramai 4,152 orang menerima BKB di seluruh negara: 2,833 penerima di Daerah Brunei dan Muara; 542 di Daerah Belait; 611 di Daerah Tutong dan 166 di Daerah Temburong. Pada masa yang sama kerajaan melalui JAPEM memperuntukkan wang berjumlah BND9 juta setahun.

Selain itu, JAPEM juga menghulurkan bantuan dan perkhidmatan serta-merta yang diperlukan oleh mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir, kebakaran, angin kencang, tanah runtuh, bantuan membaiki/membuat rumah bagi orang-orang susah, bantuan peralatan sekolah (melalui tajaan/tabung-tabung kebajikan) dan bantuan asas yang lain.





Bantuan MUIB

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) juga memberikan pelbagai bantuan dan sumbangan kepada orang yang layak dan memerlukan. Ini termasuk Bantuan Wang Tunai Bulanan, Bantuan Menjelang Hari Raya dan Akhir Tahun (wang tunai), Tempat Perlindungan, Bantuan Keperluan Persekolahan, Bantuan Peralatan dan Modal Berusaha, Bantuan Keperluan Asasi Bulanan, Bantuan Bayaran Kos Rawatan dan Perubatan, Bantuan Serta-Merta, Bantuan Dari Asnaf Al-Gharimin, Bantuan Kepada Saudara-Saudara Baru, Upah dan Perbelanjaan Amil dan Bantuan Kepada Ibnu Sabil (musafir yang memerlukan tiket penerbangan/wang perbelanjaan).

Bantuan YSHHB

Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (YSHHB) yang ditubuhkan sebagai amal jariah Kebawah DYMM serta kerabat diraja juga menghulurkan bantuan dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, pendidikan, kemasyarakatan termasuk bantuan kepada institusi-institusi, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan, orang kurang upaya dan tidak berkemampuan, mangsa-mangsa bencana alam, saudara-saudara baru, penganjuran dan pelaksanaan aktiviti berkebajikan dan sebagainya.

Bantuan disumbangkan berbentuk wang tunai, barang keperluan asasi dan peralatan, dermasiswa, latihan, perkhidmatan termasuk bantuan membina rumah bagi mereka yang layak dan memerlukan tempat tinggal.

Di samping itu, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhdatee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) juga menghulurkan derma dan bantuan kepada anak-anak yatim di negara ini. Ini menggambarkan sikap pemedulian terhadap anak-anak yatim terutama bagi yang memerlukan.

Pusat Kebajikan

Juga disediakan ialah Pusat Bimbingan Kanak-Kanak Cacat (Pusat Bahagia), Pusat Latihan Pekerjaan Orang-Orang Cacat (PLPOOC), Rumah Pemulihan dan Perlindungan ke arah usaha mengendalikan program pemulihan akhlak bagi pesalah belia.

Banyak lagi bantuan-bantuan lain yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini termasuk subsidi bagi barangan seperti minyak, makanan asasi, peralatan ICT, peralatan dan perkhidmatan bagi nelayan, petani, pengusaha kecil dan sederhana dan lain-lain.

Raja Berjiwa Rakyat

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja dan pemimpin yang berjiwa rakyat.

Sebagai seorang raja dan pemimpin, baginda tidak mahu berenggang dengan rakyat sehingga rela bebasah berkering bersama-sama rakyat tidak kira di mana baginda berangkat menemui rakyat baginda bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sentiasa terjamin, di samping untuk mengetahui denyut dan nadi rakyat, memahami kehendak dan pandangan rakyat jelata. Dalam konteks ini tidak ada yang tertinggal meskipun betapa terpencil dan jauhnya mereka di daerah-daerah pedalaman. Kerana baginda penuh yakin keakraban dan sering bertukar-tukar pandangan bukan sahaja dapat membina jambatan yang lebih kukuh yang menghubungkan antara baginda dan rakyat baginda, tetapi juga paling mustahak baginda dapat menyelami hati nurani rakyat sambil berkongsi pandangan dan harapan.

Di bawah tampuk kepimpinan bijaksana selama 45 tahun memimpin negara ini, harapan dan wawasan baginda adalah untuk mewujudkan satu negara yang aman damai, di samping mana bukan sahaja terletak di bahu baginda sendiri tetapi juga tanggungjawab bersama rakyat dan penduduk negara ini untuk terus maju ke hadapan menjalan dan melaksanakan Wawasan Brunei 2035.

Wawasan Brunei 2035 juga berhasrat supaya negara dan rakyatnya dikenali di seluruh dunia sebagai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, di samping mempunyai taraf kehidupan berkualiti tinggi serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.



PEMIMPIN NEGARA ZIKIR

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

PENGUATKUASAAN 'Perintah Pendidikan Wajib 2013', Perintah Kanun Hukum Jenayah Syar'iah dan Peraturan Penutupan Sementara Premis-premis Perniagaan pada hari Jumaat adalah rancangan besar yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjurus pada aspek-aspek kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini untuk melihat Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah Negara Zikir.

Keazaman baginda untuk menjadikan Negara Zikir bukanlah retorik tetapi ianya bersumber dari keyakinan mendalam bahawa Negara Zikir itu akan menjadi 'tuah' kepada semua, kerana ia pasti disukai oleh Allah, Tuhan Maha Pencipta, dan akan mendapat rahmat serta pertolongan-Nya seperti yang pernah dihasratkan baginda pada Perasmian Majlis Ilmu 2008 sempena Hari Keputeraan baginda ke-62 tahun bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Konsep Negara Zikir, menurut baginda, kita insya-Allah, akan membangun negara dan kehidupan, dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini.

Dalam hal ini, kita perlu mendukung dan menanai apa jua yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menjayakannya. Bahkan ia sebagai satu formula yang akan membantu memastikan aspirasi negara, mencapai Wawasan Brunei 2035 jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat.

Sejarah negara kita mencapai kemerdekaan dengan laungan takbir Allahuakbar iaitu suatu cara tersendiri yang tidak pernah berlaku di mana-mana. Cara ini tentu sahaja satu hikmah malah kita melihatnya sebagai satu alamat baik kepada Negara Brunei Darussalam yang kini sudah pun jadi kenyataan dikenali sebagai Negara Zikir.

Dengan berkat laungan kalimah Allahuakbar, kemerdekaan tanah air telah membuahkan hasil yang sangat lumayan, misalannya keamanan dan kemakmuran serta agama Islam bersinar-sinar menjadi pegangan dan amalan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah Negara Zikir, pembangunan duniawi dan ukhrawi berjaya mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni bersandarkan pada ajaran Islam.

Perintah Pendidikan Wajib 2013 yang dititahkan setentunya akan melahirkan anak bangsa yang berilmu pengetahuan. Kita amat berbangga mempunyai anak bangsa yang cemerlang dan bakal menjadi pemimpin negara yang diasuh dengan didikan agama.

Sementara itu, Pelaksanaan Kanun Hukum Jenayah Syari'ah juga mempunyai makna tersendiri kepada negara ini. Tidak salah negara kita melaksanakan hukum ini kerana ini adalah sebahagian daripada yang disyariatkan agama Islam. Kanun Hukum Jenayah Syar'iah ini tidak kejam seperti yang ditanggapi oleh pihak yang belum faham mengenai hukum ini. Oleh itu kita sebagai rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini perlu memahami, menghayati sebelum mengandaikan tentang hukum ini agar tidak terkeliru.

Arahan bagi Penutupan Sementara Premis-premis Perniagaan pada hari Jumaat sehingga selesai menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat juga sangat bererti bagi rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini.

Rasionalnya, ekonomi tidak akan terjejas seperti di dalam titah baginda kerana sebagai umat Islam kita perlu ingat rezeki di tangan Allah. Jadi penutupan sementara tersebut akan dilimpahi rezeki yang melimpah ruah kerana keikhlasan mengikut apa yang disarankan dalam ajaran agama Islam.

Kesungguhan dan komitmen rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terhadap titah Kebawah DYMM menjadi asas atau senjata paling ampuh dalam mencapai sesuatu kejayaan.

Negara memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara.

Bagi gambaran orang-orang yang berzikir. Kedudukan mereka di sisi Allah adalah amat hampir. Inilah cita-cita kita untuk menjadi orang-orang tersayang di sisi Allah. Apabila wujud orang-orang yang sedemikian ini di dalam sesebuah negara, maka negara itu tidak syak lagi 'Negara Zikir'.

Negara, di mana ramai orang-orang berzikir; negara yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir; negara yang dibangun dan ditadbir dengan zikir, negara yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir.

Seperti dalam ceramah bertajuk Negara Zikir oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pada Seminar Majlis Ilmu pada tahun 2008 menegaskan 'Negara Zikir' adalah negara yang berorientasi dan berpaksikan dengan zikir: Siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir. Siasah, menurut definasinya, ialah ilmu yang berkaitan dengan hal- ehwal kenegaraan, ilmu mengurus negara, mengurus rakyat supaya negara itu tetap berada di landasannya yang baik dan rakyat pula makmur dan sejahtera.

Maka kalau negara kita ini menjadi 'Negara Zikir', negara yang dibangun dengan zikir, negara yang ditanai dengan zikir, negara yang dipertahan dengan zikir, maka insya-Allah, Negara Brunei Darussalam akan menjadi negara terulung di dunia yang layak dan bahkan berhak menerima jolokan: '*Baldatun Thoyyibatun Wa Robbun Ghofur*': Negara yang baik, yang selamat, yang aman makmur, yang sentiasa bernaung di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Wallahu'alam.



PENDORONG KEMAJUAN BELIA

Oleh : Samle Haji Jait

KECEMERLANGAN belia memberi impak yang sangat besar kepada arus kemakmuran dan pembangunan masa depan sekali gus menjadi penerus agenda kejayaan negara dalam segenap bidang.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan berjuta-juta ringgit untuk membangunkan kapasiti golongan belia yang meliputi bidang pendidikan dan keusahawanan, di samping penyediaan program-program kemahiran.

Sementara penerapan bagi memperkayakan jati diri, memperkukuhkan aspek kerohanian merupakan usaha untuk menghasilkan belia kitani yang cemerlang agar mereka tampil untuk mengemudi kemakmuran, kestabilan dan keharmonian kehidupan masa akan datang.

Keprihatian Raja Dikasihi

"Golongan muda atau golongan belia itu mempunyai nilainya yang tersendiri untuk diambil manfaat oleh bangsa dan negara. Belia adalah aset negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberi fokus. Mereka yang dibangun itu akan menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa depan yang penuh dengan teka-teki. Jika mereka baik, maka kita pun bolehlah tersenyum lega, tetapi jika mereka

menjadi insan yang cair moral, maka akan merintihlah negara memikul bebannya," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2008.

Titah baginda itu sangat jelas bagi menggambarkan keprihatinan baginda agar belia dapat berperanan sebagai aset negara yang paling berharga untuk mengemudi negaranya sendiri ke mercu kegemilangan. Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia yang juga menumpukan pembangunan belia secara holistik bakal menyaksikan golongan belia kita ini akan mengambil alih tanggungjawab dan tugas sebagai pemimpin yang mempunyai wawasan.

Bagaimanapun, arus kemodenan dunia masa kini yang serba mencabar memberi hambatan termasuk golongan belia namun di sinilah peranan semua pihak sama-sama menggembleng tenaga dan buah fikiran untuk menjana agenda yang konkrit agar berjaya menepis pergolakan negatif.

Program Khidmat Bakti Negara

Kita sangat berbangga dengan adanya Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah membantu membangunkan potensi belia-belia sebagai anggota masyarakat yang mempunyai jati diri, berjiwa besar, berdisiplin, berwawasan, berhemah, bertaqwa dan syumul yang akan mendukung kepada konsep Melayu Islam Beraja dan Wawasan Brunei 2035.







KESELAMATAN MAKANAN NEGARA KUKUH

Oleh : Pengiran Haji Waliyuddin bin Pengiran Haji Ahmad

MAKANAN adalah bahan keperluan asas dalam kehidupan manusia dan tanpa bekalan makanan yang mencukupi serta keupayaan untuk mendapatkannya secara konsisten, individu boleh terdedah kepada ancaman *food insecurity* dan berkemungkinan membawa bahaya yang dapat menjejaskan kemampuan mereka untuk hidup.

Ekoran daripada permintaan yang semakin meningkat dan pelbagai faktor lain seperti kelaparan, kekurangan nutrisi dan *food insecurity* yang berlaku pada masa ini, negara-negara pengeluar beras utama seperti Thailand dan Viet Nam telah mengambil polisi menghadkan jumlah bekalan beras untuk tujuan eksport bagi menangani masalah kekurangan bekalan di peringkat domestik. Krisis bekalan makanan tersebut merupakan ancaman serius kepada keselamatan negara dan bukan setakat menjejaskan kehidupan individu, malah turut memberi ancaman kepada keselamatan dan kestabilan negara.

Keadaan inilah yang menjadi kebimbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Hari Keputeraan baginda ke-62 tahun pada 15 Julai 2008 yang menyentuh mengenai isu keselamatan pemakanan:

"Kita juga perlu peka mengenai krisis pemakanan dunia sekarang. Krisis ini telah benar-benar menimbulkan kebimbangan global apabila pengeluaran beberapa jenis bijirin asasi, termasuk beras, telah mendadak susut di negara-negara pengeluar utamanya. Kerajaan beta telah meletakkan beras selaku keperluan asas yang telah diberikan subsidi sekian lama. Sama seperti minyak kenderaan, perbelanjaan subsidi untuk beras juga telah meningkat sekarang. Namun demi kesejahteraan rakyat dan penduduk, harga beras masih saja di tahap biasa."

Jalan Penyelesaian

Negara Brunei Darussalam mengorak langkah maju setapak lagi ke hadapan selepas secara rasminya menjadi ahli kepada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (Food and Agriculture Organisation of the United Nations – FAO) baru-baru ini dan menandakan mercu tanda kejayaan negara dalam industri pemakanan dan pertanian di peringkat serantau sekali gus telah menambahkan keahlian FAO kepada 194 buah negara.

Melalui pengiktirafan FAO tersebut dapat memperbaiki dan meningkatkan sistem dasar keselamatan makanan untuk rakyat dan pertanian memandangkan negara ini adalah sebuah negara kecil dan majoritinya mengimport bekalan makanan daripada pasaran luar negara.

Sehubungan itu, Menteri Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa Majlis Menaikkan Bendera bagi Keahlian Negara Brunei Darussalam ke pertubuhan berkenaan yang berlangsung di Ibu Pejabat FAO, Rom, Itali menekankan bahawa sejak tahun 2009, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil beberapa inisiatif perlaksanaan dalam mengkaji semula dasar program jangka panjang mengenai keselamatan makanan khususnya dalam projek pengeluaran beras tempatan bagi keperluan sara diri yang mapan di negara ini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa semua usaha itu boleh dicapai melalui kerjasama FAO dalam pelbagai inisiatif, latihan dan projek serta negara dapat memperolehi faedah terutamanya di bidang perkembangan kapasiti sumber tenaga manusia, peralihan teknologi dan bantuan teknikal bagi mencapai agenda sekuriti makanan kebangsaan melalui keahlian tersebut.

Sementara itu, FAO adalah sebuah agensi khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berfungsi sebagai usaha antarabangsa dalam menangani kelaparan yang antara lain menumpukan kepada mencapai keselamatan makanan untuk semua pengguna serta memastikan orang ramai mempunyai akses kepada makanan berkualiti tinggi untuk memberikan kehidupan aktif dan sihat.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-64 tahun pada 15 Julai 2010 :

"Di bidang pemakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, akan terus melipatgandakan usaha, untuk menghampiri sasaran sara diri yang kita cita-citakan itu. Di samping jangan juga lupa tentang keselamatan makanan, sama ada yang bersumber daripada dalam, mahu pun luar negara.

Langkah-langkah penilaian dan kawalan perlu dipastikan, meliputi semua aspek: Kehalalan, kebersihan dan keselamatan makanan. Walaupun hanya bahan-bahan, yang biasanya dianggap selamat, seperti sayur-mayur dan ikan, namun kita juga pernah mendengar tentang sayur-mayur yang beracun dan ikan yang diawet dengan bahan pengawet yang memudaratkan."

Strategi

Untuk itu, negara sekarang melihat perlunya melaksanakan satu strategi yang bersepadu membabitkan empat tindakan dalam usaha membentuk Sekuriti Makanan Negara:

- Meningkatkan keupayaan pengeluaran tempatan.
- Memiliki pengurusan pembekalan asing yang efisien.
- Mengadakan perjanjian antarabangsa mengenai perdagangan komoditi pertanian dan perikanan.
- Pengurusan rizab bahan makanan untuk sekuriti makanan negara.



KESELAMATAN AWAM TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

RASA syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala memang sepatutnya sentiasa dipanjatkan oleh seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini kerana menikmati hidup dengan aman dan selamat lagi sejahtera. Semua rahmat itu dikecapi adalah dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa peka terhadap keselamatan dan keamanan di negara ini.

Struktur Baru Organisasi Angkatan Tentera

Di bumi bertuah ini salah sebuah agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berperanan menjaga dan mengawal keselamatan awam dan seluruhnya ialah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang kini telah menjangkau usianya ke-52 tahun. Selaras dengan usianya itu ABDB seharusnya mampu untuk mewujudkan kewibawaan pertahanan yang wajar yang mana sebagai tunggak pertahanan, ABDB akan terus melalui beberapa perubahan dan perkembangan dalam melaksanakan







Brunei Darussalam yang berperanan menjaga dan mengawal keselamatan awam dan seluruhnya ialah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang kini telah menjangkau usianya ke-52 tahun. Selaras dengan usianya itu ABDB seharusnya mampu untuk mewujudkan kewibawaan pertahanan yang wajar yang mana sebagai tunggak pertahanan, ABDB akan terus melalui beberapa perubahan dan perkembangan dalam melaksanakan peranannya. Menyedari hal itu Kebawah DYMM telah memperkenankan struktur organisasi angkatan-angkatan tentera sebagaimana titah baginda semasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-52, pada 1 Jun lalu di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison yang antara lain baginda bertitah:

"Selaras dengan perkembangan ini dan bagi memantapkan lagi keberkesanan ABDB beta telah memperkenankan struktur organisasi angkatan-angkatan tentera yang baru yang mula berkuat kuasa pada 31 Mei 2013."

peranannya. Menyedari hal itu Kebawah DYMM telah memperkenankan struktur organisasi angkatan-angkatan tentera sebagaimana titah baginda semasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-52, pada 1 Jun lalu di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison yang antara lain baginda bertitah:

"Selaras dengan perkembangan ini dan bagi memantapkan lagi keberkesanan ABDB beta telah memperkenankan struktur organisasi angkatan-angkatan tentera yang baru yang mula berkuat kuasa pada 31 Mei 2013."

Penyusunan secara berfasa ini, titah baginda bertujuan untuk membentuk satu kerahan tentera yang lebih *robust* dan *focus* selaras dengan perolehan aset-aset ketenteraan dengan memanfaatkan perkembangan teknologi dan keupayaan anggota sebagai pemangkin utamanya.

Agensi-Agensi Keselamatan

Selain ABDB, satu lagi agensi Kerajaan Kebawah DYMM dalam memastikan keselamatan awam di negara ini ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang mana baginda pernah bertitah bahawa rakyat dan penduduk di negara ini bergantung harapan kepada PDB, kerana itu komitmen semua lapisan pegawai dan anggota hendaklah selalu dirangsang yang mesti dibuktikan dengan tindakan atau perkhidmatan yang berjaya.

Di samping ABDB dan PDB beberapa agensi lain juga berperanan penting dalam menjaga keselamatan awam di negara ini iaitu Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (KDN) yang berperanan memberi amaran awal kepada kerajaan mengenai ancaman-ancaman yang dihadapi, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan peranan mengawal perjalanan keluar masuk di semua pos kawalan di negara ini dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan misi untuk melaksanakan dasar luar dengan berkesan, menyumbang ke arah meningkatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara melalui diplomasi.

Dasar Keselamatan

Buku Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam ketika menyentuh tentang isu keselamatan telah menjelaskan bahawa dalam Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012, usaha ke arah menjamin keselamatan negara akan dipandu oleh beberapa dasar antara lain oleh White Paper 2004 yang menggariskan bahawa keselamatan dan kesejahteraan adalah bersandarkan kepada tiga tunggak iaitu:

i) Perpaduan rakyat dan kestabilan negara; ii/ Suasana serantau yang stabil dan iii/ Pemeliharaan ke atas keupayaan pertahanan.

Buku itu juga menjelaskan bahawa dalam Rangka Strategi dan Dasar bagi Pembangunan (OSPD) menggariskan haluan dasar setiap strategi bagi tempoh 10 tahun akan datang (2007 - 2017) bagi strategi keselamatan yang mana untuk memelihara kestabilan politik dan kedaulatan negara, haluan dasar berikut akan dilaksanakan:

- Meningkatkan penyelarasan di antara institusi diplomatik, pertahanan dan perisikan negara untuk memastikan pendekatan bersepadu terhadap keselamatan negara.
- Memperkukuhkan agensi keselamatan termasuk angkatan bersenjata, polis dan agensi perisikan yang terkenal dengan profesionalisme, latihan dan kepakaran dalam teknologi yang bertaraf tinggi.

- Melaksanakan pendekatan baru untuk memajukan infrastruktur tentera dan perolehan untuk memastikan kecekapan dan *cost-effectiveness*, termasuk melalui perkongsian sektor awam-swasta, jika perlu.
- Menggalakkan *good governance* dalam sektor awam dan swasta dengan zpenekanan kepada kejujuran dan kebertanggungjawaban bagi memastikan keyakinan dan kepercayaan orang ramai.
- Memajukan lagi sistem dan organisasi yang sesuai bagi menangani dengan segera dan berkesan ancaman dari malapetaka alam, penyakit berjangkit, keganasan dan lain-lain kecemasan.
- Memelihara keharmonian sosial dan budaya dan kehidupan yang penuh bertanggungjawab. Apa yang diharapkan dengan kewibawaan kepimpinan Kebawah DYMM, maka rakyat dan penduduk di negara ini akan terus mengecapi hidup dengan aman dan selamat tanpa adanya anasir-anasir jahat yang boleh menggugat keselamatan awam di negara ini. Selain itu, rakyat dan penduduk bumi Darussalam ini juga hendaklah sentiasa berganding bahu dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam sama-sama mengekalkan keselamatan awam di negara ini bagi kepentingan bersama sebagai tanda taat dan kasih kita kepada pemerintah payung negara.



PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin

KEMUDAHAN perjalanan sekarang telah banyak membawa perubahan kepada kesejahteraan dan kualiti kehidupan. Akses perjalanan untuk sampai ke suatu tempat dengan selesa, cepat dan selamat melancarkan lagi segala urusan dan aktiviti seharian. Dengan adanya kemudahan jalan raya, ruang dan peluang untuk masyarakat meningkatkan taraf kehidupan juga semakin cerah.

Dapatlah dikatakan bahawa pembangunan negara termasuk infrastruktur jalan raya merupakan proses perubahan menuju kesejahteraan awam berasaskan perancangan dan kepimpinan yang berwawasan.

Negara Brunei Darussalam sangat bertuah kerana dikurniakan nikmat kemakmuran, keamanan dan kestabilan yang merancakkan proses pembangunan negara. Lebih bertuah lagi negara juga telah dikurniakan seorang raja yang berwawasan dan prihatin terhadap hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Ini terbukti dengan adanya perancangan dan peruntukan khusus yang disediakan oleh kerajaan di bawah kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempertingkatkan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang diperlukan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pembangunan terus berusaha untuk memastikan tahap infrastruktur di negara ini berupaya memenuhi kehendak rakyat, di samping sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan mendukung Wawasan Brunei 2035. Antara pembangunan infrastruktur yang turut diberi perhatian ialah jalan raya yang menjadi nadi dan prasarana penting bagi menggerakkan pembangunan negara.

Penyediaan rangkaian jalan raya merangkumi pembinaan, menaik taraf dan membaik pulih antara lain bertujuan untuk memudahkan perjalanan dengan selamat dan menjana aktiviti perekonomian masyarakat.

Pembinaan jalan-jalan di negara ini adalah mengikut perancangan yang digariskan dalam Pelan Induk Negara Brunei Darussalam dan Pelan-Pelan Setempat, selain reka bentuk yang memenuhi spesifikasi am dan garis pandu berasaskan piawaian antarabangsa. Satu pencapaian dan kemajuan penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat sejak tahun 1984 ialah penaikan taraf jalan-jalan daerah dan jalan masuk persendirian dari jalan batu ke jalan aspal. Menaik taraf jalan masuk persendirian ini juga melibatkan pembinaan longkang, kalbat, dinding penahan, bendul, tanda jalan dan memindah perkhidmatan-perkhidmatan seperti kabel elektrik, telekom dan paip air iaitu aspek-aspek penting yang berkaitan dengan pembinaan jalan-jalan untuk penyelesaian dan keselamatan para pengguna.





Dalam usaha meningkatmajukan infrastruktur perhubungan dan jalan raya, dua buah projek jambatan baru telah dirancang dan bakal dibina akan menjadi salah satu mercu tanda kegemilangan pembangunan negara.

Projek Jambatan Temburong yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong merupakan suatu berita baik bagi rakyat dan penduduk sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah DYMM pada Hari Keputeraan baginda ke-66 tahun. Direka bentuk dengan ciri-ciri kebruneian, jambatan ini merangkumi pembinaan dua *cable-stayed bridges* dan kira-kira 14.5 kilometer *marine viaducts* merentasi Teluk Brunei, kira-kira 11.8 kilometer *at grade road* dan struktur di Daerah Temburong dan terowong dan *at grade road* di Daerah Brunei dan Muara dihasratkan dapat mengurangkan kos dan masa perjalanan ulang alik. Di samping itu, pelbagai kegiatan ekonomi dan pelancongan juga akan dapat ditingkatkan dengan adanya jambatan penghubung di antara kedua-dua daerah tersebut.

Manakala, jambatan baru yang menghubungkan Jalan Residency ke Sungai Kebun pula merupakan pembinaan jambatan kabel yang pertama di negara ini sepanjang 300 meter dengan jumlah panjang keseluruhan 607 meter. Harga kontrak yang dianggarkan bernilai BND138.9 juta dan diletakkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 ini dihasratkan dapat mengurangkan beban kesesakan lalu lintas di tengah kesibukan dan pertumbuhan kawasan perumahan termasuk skim perumahan yang

dirancang di Mukim Lumapas dan kawasan sekitarnya serta kegiatan ekonomi yang lain.

Perangkaan Jabatan Kerja Raya menunjukkan lebih 18,000 kenderaan berulang alik setiap hari dari Mukim Lumapas dan kawasan sekitarnya dengan menggunakan Jalan Bengkurong Masin untuk pergi ke kawasan utama. Dengan terbinanya jambatan baru ini, dianggarkan 9,000 kenderaan akan menggunakan jambatan tersebut sekali gus membolehkan penduduk setempat sampai ke ibu negara dengan lebih cepat.

Pembinaan kedua-dua buah jambatan berkenaan sangat signifikan bagi kemudahan rakyat menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan manifestasi kepimpinan seorang raja yang berwawasan dalam memacu pembangunan negara. Ia juga bakal melakar sejarah penting khususnya dalam aspek kerja-kerja kejuruteraan yang boleh dibanggakan dan menaikkan imej negara setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini menjunjung kasih dan menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pembinaan prasarana jalan raya dan kedua-dua jambatan baru yang bakal dibina setentunya akan memberi impak positif terhadap kesejahteraan awam dan pembangunan negara yang lebih mapan dan dinamik.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

RAJA DI HATI RAKYAT

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman

SEBAGAI rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam kita sememangnya merasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan seorang Raja Khalifah Islam, yang sangat kasih dan sayang kepada seluruh lapisan rakyatnya tanpa mengira bangsa, agama, kedudukan dan warna kulit seseorang.

Kasih baginda kepada rakyat itulah yang membawa limpahan kasih sayang rakyat dan penduduk di negara ini jelas tergambar melalui komitmen baginda yang tidak pernah kendur-kendurnya untuk menjadikan negara ini kekal sebagai sebuah negara *Baldatun Thayyibatun wa Rabbun Ghafuur* yang berpaksikan kepada ajaran agama Islam yang suci. Bahkan sikap baginda yang sering menitik berat dan mengelinga akan kebajikan serta sering menyediakan keperluan rakyat di negara ini baik dari segi urusan pentadbiran dan kemajuan perekonomiannya bagi pencapaian cemerlang sahsiah bangsa serta memartabatkan ummah amat disanjung tinggi oleh rakyat baginda dan ini cukup menjadikan baginda sebagai 'raja di hati rakyat'.

Mengapa kita mengatakan baginda sebagai 'raja di hati rakyat' disebabkan sikap keprihatinan dan kasih sayang yang baginda berikan kepada rakyatnya tanpa berbelah bahagi. Ini jelas terbukti dengan kerelaan hati baginda yang sering bercemar duli dalam mana-mana atur cara atau majlis yang melibatkan baginda bersama rakyat. Inilah salah satu atur cara yang sering dinanti-nantikan oleh rakyat dan penduduk di negara ini di keempat-empat daerah sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda setiap tahun.

Keberangkatan baginda bercemar duli ke daerah-daerah adalah juga pencetus inspirasi kepada semua rakyat dan penduduk baginda. Kita selaku

rakyat dapat melihat sendiri cara baginda menunjukkan sikap pemedulian baginda kepada rakyat serta kasih dan kesetiaan rakyat kepada baginda. Inilah kehebatan institusi raja dan rakyat yang wujud di negara ini sejak ratusan tahun sehingga membina kesatuan dan ikatan simpulan yang amat kuat dan teguh antara raja dan rakyat jelata.

Upacara yang tidak formal dan penuh meriah ini sudah setentunya melambangkan betapa tinggi dan akrabnya perpaduan antara raja dan rakyat jelata dan ini juga turut menampakkan kepada kita semua bahawa acara keberangkatan baginda bercemar duli bersama rakyat ini cukup memberikan pengertian yang sangat berharga dan cukup bermakna serta meninggalkan kenangan yang manis kepada rakyat baginda yang berpeluang menghadirkan diri dalam perhimpunan yang begitu besar.

Tidak syak lagi Majlis Bersama Rakyat merupakan manifestasi keprihatinan, pemedulian serta kasih sayang baginda kepada rakyat dari penduduk yang baginda kasihi. Dari majlis sebegini jugalah baginda cukup dikenali sebagai raja penyayang, sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

Raja yang berjiwa rakyat yang mana sepenuh hidup baginda banyak dicurahkan kepada rakyat jelata melalui kepimpinan baginda yang terbukti bertanggungjawab, pemedulian, sentiasa bekerja keras untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan pendek kata baginda banyak meluangkan masa bersama rakyat dan penduduk di mana saja berada di negara ini termasuk juga ketika berangkat keluar negeri.

Peluang untuk menikmati hari bersejarah bersama baginda juga dapat disaksikan dalam Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.









Ini memberikan satu pendekatan jalinan muhibah antara raja dan rakyat untuk berinteraksi dan berbual-bual dengan rakyat jelata sambil bersedia menerima aduan mengenai permasalahan rakyat jelata. Inilah keunikan baginda yang jarang terdapat pada pemimpin dunia yang lain, walaupun ianya merupakan satu atur cara tetapi baginda tetap saja bersedia untuk mendengar apa jua rintihan dan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat baginda.

Sementara itu bagi rakyat jelata pula kesempatan seperti ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperlihatkan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi serta penghargaan menjunjung kasih atas kesejahteraan dan kesejahteraan serta keceriaan yang mereka nikmati selama ini hasil daripada kepimpinan bijaksana serta pemedulian baginda.

Ini adalah kerana kita menyedari bahawa perpaduan dan persefahaman itu adalah merupakan dua elemen penting dalam usaha mewujudkan

keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang berkekalan yang mana semua ini adalah atas berkat perpaduan dan muhibah antara rakyat dan pemimpin yang saling bantu-membantu dan sokong-menyokong di dalam menyejahterakan negara dan juga bangsa.

Dalam petikan titah baginda, berbunyi : *"Beta menyifatkan perhimpunan ini sebagai penting dan bersejarah, kerana bukanlah mudah untuk mendapat peluang yang seumpama ini."*

Kesimpulannya apa jua acara yang melibatkan baginda bersama rakyat jelas memancarkan keakraban dan kasih sayang baginda pada rakyat dan juga sinar taat setia, hormat dan kasih sayang serta sokongan yang padu rakyat kepada raja yang menjadi payung tempat rakyat berteduh dan bernaung dan ini juga sememangnya sudah menjadi satu trend dan tradisi turun-temurun kehidupan bangsa kita di bumi bertuah Brunei Darussalam.

